


Buku Kerja Aktiviti Pelajar untuk



Siri Penjelajah Visual Alkitab



Cerita Kehidupan Yesus

Jilid 1: Yesus – Dari Kelahiran Sehingga Pemuliaan

Jilid 2: Yesus – Penyelamat

Sekolah Rendah Tahap 2

✝ Penerbitan Buku Kristian

Umur 9 - 10

SAMPLE

Buku Kerja Aktiviti Pelajar untuk Siri Penjelajah Visual Alkitab

berdasarkan

Cerita Kehidupan Yesus

Jilid 1: Yesus – Dari Kelahiran Sehingga
Pemuliaan

Jilid 2: Yesus – Penyelamat

Sekolah Rendah Tahap 2

(Umur 9 - 10)

Hak Cipta



Diterbitkan buat pertama kali di Malaysia oleh
Pristine World Sdn Bhd pada 2023

Hak cipta © 2023 Pristine World Sdn Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan atau multimedia ini tidak boleh disalin, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotostat, rakaman, imbasan, atau cara-cara lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat Alkitab dipetik daripada ALKITAB VERSI BORNEO.
Hak cipta © 2015.

'Dipetik daripada Alkitab
© Borneo Sabda Limited'

Penghargaan

Pristine World ingin mengucapkan terima kasih kepada Goh Kim Guat, Lydia Wong Hwei Ming, Chew Bee Bee dan Samantha Yong kerana meluangkan masa membantu dalam pengembangan Buku Aktiviti Pelajar untuk siri ini.

Bagaimana menggunakan Buku ini

Menggunakan Buku ini sebagai Buku Pengiring

Buku aktiviti pelajar ini direka sebagai buku pengiring lalu paling baik digunakan bersama buku multimedia "Siri Penjelajah Visual Alkitab – Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1 dan 2."

Dalam suasana sekolah Minggu atau kelas Alkitab Kanak-kanak, cikgu boleh mainkan pelajaran multimedia satu per satu dan seterusnya membahagikan kelas mengikut umur. Dalam kelompok umur, cikgu bolehlah menggunakan buku aktiviti pelajar ini untuk menegas semula pengajaran yang telah disampaikan melalui multimedia.

Menggunakan Buku tanpa Multimedia

Kami faham bahawa bukan semua kelas mempunyai kemudahan untuk menggunakan buku multimedia. Kelas Alkitab boleh dijalankan menggunakan Buku Aktiviti Pelajar dan Alkitab. Dalam kes ini, amat penting untuk seseorang membacakan petikan yang diberi untuk pelajaran. Petikan yang digunakan dalam buku aktiviti diambil daripada Alkitab Versi Borneo.

Tempoh setiap Pengajaran

Kami cadangkan cikgu mengambil masa sekurang-kurangnya 40 – 50 minit untuk setiap pelajaran. Namun, jikalau sesuatu pelajaran tidak sempat dihabiskan dalam masa yang diperuntukkan, boleh bersambung pada minggu seterusnya. Sebaik-baiknya, satu pelajaran setiap minggu.

Menjurnal respons mereka

Minta pelajar tulis jawapan mereka kepada soalan-soalan Respons, Penerapan dan Doa terus dalam buku. Seterusnya, buku boleh dijadikan jurnal atau album foto pengembangan rohani mereka sewaktu mereka mengambil pengembaraan penjelajahan dalam perjalanan Kristian mereka; tetapi ingatkan pelajar bahawa proses membesar memerlukan pembelajaran serta penerapan.

Semoga anda diberkati ketika menggunakan Siri Penjelajah Visual Alkitab untuk belajar dan menerap pengajaran berharga daripada Alkitab.

Carta Ringkasan Pelayanan Kristus

Peristiwa	Tempat	Tarikh (anggaran)
1. Kelahiran Yesus	Betlehem	4 -6 SM
2. Pembaptisan Yesus	Sungai Yordan	26 TM
3. Yesus dicuba Syaitan	Tanah Gurun	26 TM
4. Yesus memanggil murid pertama-Nya	Kapernaum, Tasik Galilea	27 TM
5. Yesus memilih 12 murid	Kapernaum	28 TM
6. Khutbah di atas Bukit	Galilea	28 TM
7. Yesus meredakan angin ribut dan menyembuhkan anak perempuan Yairus	Tasik Galilea Kapernaum	28 TM
8. 12 murid diutus keluar berkhotbah dan menyembuhkan orang	Kapernaum	28 TM
9. Herodes Antipas membunuh Yohanes Pembaptis	Machaerus	29 TM
10. Yesus memberi makan orang ramai lalu berjalan di atas air	Dekat Betsaida Tasik Galilea	29 TM
11. Petrus mengatakan Yesus itu Anak Tuhan	Kaisarea Filipi	29 TM
12. Yesus dimuliakan	Puncak gunung	seminggu kemudian
13. Yesus membangkitkan Lazarus yang mati	Betania	Hujung 29 TM
14. Yesus memulakan perjalanan terakhir ke Yerusalem	Betania	30 TM
15. Yesus bertemu Zakheus	Yerikho	30 TM
16. Yesus masuk ke Yerusalem dan tinggal di sana buat minggu terakhir	Yerusalem	30 TM Isnin hingga Khamis
17. Penyaliban	Yerusalem	Jumaat
18. Kebangkitan	Yerusalem	Ahad
19. Yesus menunjukkan diri-Nya kepada 10 murid	Yerusalem	Ahad
20. Yesus menunjukkan diri-Nya kepada 11 murid (termasuk Tomas)	Yerusalem	Seminggu kemudian
21. Yesus berbual dengan beberapa murid	Tasik Galilea	-
22. Yesus naik ke syurga	Bukit Zaitun, Yerusalem	40 hari

* Anggaran tarikh tambah tolak 2 tahun

Peta bagi tempat-tempat utama dalam cerita kehidupan Yesus



Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1

ISI KANDUNGAN

Pelajaran 1	Kelahiran Yohanes Pembaptis Diramal	8
Pelajaran 2	Kelahiran Yesus Diramal	10
Pelajaran 3	Kelahiran Yesus	12
Pelajaran 4	Bintang dan Ahli ilmu Bintang	14
Pelajaran 5	Yohanes Pembaptis	16
Pelajaran 6	Pencubaan Yesus	18
Pelajaran 7	Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia	20
Pelajaran 8	Panggilan 12 Murid	22
Pelajaran 9	Kuasa Menyembuhkan dan Mengampun Dosa	24
Pelajaran 10	Kuasa Mengampun Dosa	26
Pelajaran 11	Ucapan Bahagia	28
Pelajaran 12	Khutbah Di Bukit	30
Pelajaran 13	Iman, Kuasa dan Kewibawaan	32
Pelajaran 14	Yesus Dan Anak Yairus	34
Pelajaran 15	Memberi Makan Kerumunan Besar	36
Pelajaran 16	Petrus Mengisytiharkan Yesus Mesias	38
Pelajaran 17	Pemuliaan	40

Cerita Kehidupan Yesus Jilid 2

ISI KANDUNGAN

Pelajaran 18	Wanita Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati	42
Pelajaran 19	Kepentingan Menjadi Rendah Hati	44
Pelajaran 20	Ibarat Tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai	46
Pelajaran 21	Yesus dan Lazarus	48
Pelajaran 22	Yesus dan Zakheus	50
Pelajaran 23	Yesus Masuk ke Yerusalem	52
Pelajaran 24	Yesus dan Nikodemus	54
Pelajaran 25	Perjamuan Tuhan	56
Pelajaran 26	Jamuan Paskah dan Ertinya	58
Pelajaran 27	Taman Getsemani	60
Pelajaran 28	Yesus Dihakimi Orang Yahudi	62
Pelajaran 29	Yesus Menghadap Pilatus	64
Pelajaran 30	Penyaliban	66
Pelajaran 31	Jam Selepas Penyaliban	68
Pelajaran 32	Kebangkitan	70
Pelajaran 33	Sarapan Terakhir	72
Pelajaran 34	Perintah Untuk Memberitakan Injil	74
Nota		76

Pelajaran 1

Kelahiran Yohanes Pembaptis Diramal

Berdasarkan Bab 1 dalam E-Pelajar

Objektif:

Bersyukur kerana Tuhan memilih anda

Rujukan Alkitab:

Lukas 1:5 – 80

Ayat Hafalan:

"Aku tahu rancangan-rancangan yang Kubuat bagi kamu," demikianlah firman Tuhan, "iaitu rancangan kesejahteraan, bukan malapetaka, untuk mengurniakan kepada kamu masa depan dan harapan." Yeremia 29:11



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Tuhan memilih Yohanes sebelum dia dilahirkan.
2. Misi Yohanes adalah menyediakan jalan untuk Mesias.

Cari

Benar atau Palsu

1. Zakharia dan Elisabet takut akan Tuhan. ()
2. Zakharia dan Elisabet mempunyai ramai anak. ()

Fikirkan

Anda boleh memilih lebih daripada satu jawapan.

1. Jika anda Zakharia, apa reaksi anda setelah malaikat Gabriel menyampaikan berita Tuhan?
 - a. Berpendapat bahawa ianya mustahil.
 - b. Meyakini Tuhan sedikit sahaja.
 - c. Meyakini Tuhan sepenuhnya.
2. Zakharia menjadi bisu buat sementara kerana...
 - a. dia ragu akan kuasa Tuhan.
 - b. dia diracuni.
 - c. Tuhan ingin menghukum dia.

3. Elisabet sudah lanjut usia. Tetapi dia hamil untuk tujuan khusus. Apa pendapat anda?

- a. Ia benar-benar mukjizat.
- b. Ia mesti satu jenaka.
- c. Tuhan mampu melakukan apa sahaja.
- d. Ia rancangan Tuhan.

4. Apa yang dikatakan malaikat Gabriel kepada Zakharia dalam Bait Suci? (rujuk Lukas 1:13 – 17)

- a. Yohanes akan dialu-alukan.
- b. Elisabet akan melahirkan seorang anak lelaki.
- c. Dia akan dipenuhi Roh Kudus.
- d. Dia akan menyediakan jalan untuk Tuhan.

Respons

- 1. Adakah anda percaya bahawa Tuhan mempunyai matlamat untuk hidup anda? (Ya!/Tak ada lah)

- 2. Dalam fikiran anda, apakah matlamat Tuhan untuk hidup anda?

Penerapan

Dalam Tuhan, segalanya boleh kerana Dia Maha Berkuasa. Dia tidak memerlukan anda melakukan apa-apa untuk-Nya. Tetapi kerana Dia mengasihimu, Dia ingin kamu hidup dengan matlamat khusus. Senaraikan 2 perkara yang boleh anda buat untuk menunjukkan kasih kepada Tuhan.

Doa

Ya Tuhan, bantulah saya bersyukur dan meyakini Engkau selalu. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 2

Kelahiran Yesus Diramal

Berdasarkan Bab 2 dalam E-Pelajar

Objektif:

Meyakini rancangan Tuhan.

Rujukan Alkitab:

Lukas 1:26 – 56

Ayat Hafalan:

Maria berkata, "Aku ini hamba Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu." Lalu malaikat pun meninggalkannya. Lukas 1:38



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

Walaupun Maria sedar bahawa dia akan menghadapi kesusahan kelak, dia mempercayai apa yang dikatakan Malaikat dan menyerah diri kepada rancangan Tuhan.

Cari

Susun gambar dan tuliskan cerita tersebut.

Mula-mula, susun gambar (tuliskan nombor dalam bulatan di bahagian bawah sebelah kanan setiap gambar). Kemudian, dengan menggunakan ayat sendiri, tulis cerita tersebut dengan berpandukan gambar.









Isi tempat kosong

Rujuk semula ayat Alkitab dan carikan jawapan.

1. " "Janganlah _____, hai Maria, kerana engkau telah _____ Allah." (Lukas 1:30)
2. " _____ kamu kerana _____ apa yang dikatakan kepadamu daripada Tuhan akan berlaku!" (Lukas 1:45)

Sesuatu untuk difikirkan: Adakah Maria dan Elisabet orang yang kurang bijak?

Respons

Ceritakan masa-masa anda meyakini dan tidak meyakini Tuhan.

Penerapan

Tuhan setia dan selalu menepati janji-Nya. Anda pula bagaimana?

Doa

Ya Tuhan, terima kasih kerana selalu menepati janji-Mu. Bantulah saya supaya menjadi seperti Engkau. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 3

Kelahiran Yesus

Berdasarkan Bab 2 dalam E-Pelajar

Objektif:

Belajar mentaati Tuhan walaupun kita tidak faham apa yang dilakukan-Nya.

Rujukan Alkitab:

Matius 1:18 – 25;
Lukas 2:1 – 20

Ayat Hafalan:

"Sesungguhnya, mematuhi itu lebih baik daripada korban sembelihan." 1 Samuel 15:22b



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

Yusuf mentaati arahan Tuhan untuk mengahwini Maria.

Tafsir

Tulis semula frasa yang bercampur baur

1. "Maria akan melahirkan seorang anak lelaki. *aknNahalam naak iut seuYs.*" (Matius 1:21) _____
2. "Immanuel, *agny rbertei, IAIha amnyetrei tkia.*" (Matius 1:23) _____

Cari

Cari dan bulatkan semua perkataan-perkataan berikut.

Kelahiran	Dosa	Palung
Kegembiraan	Betlehem	Selamat
Malaikat	Bayi	Yesus
Gembala	Damai	Maria
Yusuf		



Pemahaman

Sila jawab soalan berikut.

1. Yesus Anak Tuhan. Adakah Dia dilahirkan di tempat yang indah dan selesa? Kenapa? _____

Fikir

Pada hari Natal, Tuhan menghadihkan kami yang terbaik sekali – Yesus Kristus. Peristiwa yang riang sekali! Lukas 1:45)

Sesuatu untuk difikirkan: Adakah Maria dan Elisabet orang yang kurang bijak?

Bagaimana anda patut menyambut Hari Natal? Sila bulatkan jawapan.

Bermain komputer
Menghadiri jamuan
Berkhutbah
Makan ayam belanda
Membantu mereka yang kurang bernasib baik
Menyanyi lagu pujian Natal
Menjemput sahabat ke gereja
Membeli-belah
Bercuti

Lain-lain: _____

Respons

1. Adakah ruang dalam hati anda untuk Yesus? _____
2. Bagaimana anda menjelaskan ketaatan? _____
3. Bagaimana anda boleh mentaati Tuhan seperti Yusuf? _____

Penerapan

Tuhan ingin anda mematuhi-Nya bukan kerana Dia ingin mengawal anda tetapi kerana Dia lebih tahu apa yang terbaik untuk anda. Anda boleh mentaati-Nya dengan pelbagai cara.

Berikut adalah beberapa contoh:

Dengan mata: tidak menonton terlalu banyak TV kerana ia menyakitkan mata.

Dengan telinga: tidak mendengar muzik yang kuat.

Dengan tangan: tidak mencederakan orang atau merosakkan barang.

Dengan mulut: tidak bercakap dengan biadap.

Dengan minda: tidak memikirkan bagaimana mencuri.

Apa lagi yang boleh anda lakukan?

Doa

Ya Tuhan, terima kasih kerana Engkau lahir untuk membolehkan saya menjadi anak Tuhan. Ajarlah saya mentaati Engkau dalam hidup-ku. Terima kasih. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 4

Bintang dan Ahli ilmu Bintang

Berdasarkan Bab 3 dalam E-Pelajar

Objektif:

Belajar bahawa Tuhan selalu melindungi anak-anak taat-Nya.

Rujukan Alkitab:

Matius 2:1 – 23;

Lukas 1:46 – 56; 2:8 – 20

Ayat Hafalan:

“Kerana dia telah menumpukan kasihnya kepada-Ku, maka Aku akan melepaskannya; Aku akan meletakkannya di tempat tinggi, kerana dia mengetahui nama-Ku.”
Mazmur 91:14



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus dilahirkan dan diletakkan dalam palung di Betlehem.
2. Bintang cerah di langit menandakan kelahiran Yesus.
3. Gembala serta ahli-ahli ilmu bintang dari negara asing datang menyembah-Nya.

Siasat

Apa itu nubuat? Siasat sama ada nubuat-nubuat menjadi kenyataan atau tidak. Tuliskan kata-kata kunci.

NUBUAT PERJANJIAN LAMA	KENYATAAN PERJANJIAN BARU
Mikha 5:2	Matius 2:6
Yeremia 31:15	Matius 2:17 – 18

Bayangkan

Anda malaikat Tuhan, bagaimana anda melindungi mereka?

Amy ingin membasuh bulu anjingnya dengan menggunakan pencuci lantai.

Anda: Jangan, Amy, anda patut _____

Nenek hendak makan ubat dengan bir.

Anda: Jangan, Nenek patut _____

Budak kecil ingin mengambil cawan air di dapur. Ia sangat panas.

Anda: _____

Bapa anda tidur di halaman rumah. Seekor ular diam-diam menghampirinya.

Anda: _____

Cari

Baca Matius 2:1 – 23 dan tentukan waktu-waktu Tuhan menghantar malaikat-Nya melindungi Yesus dan orang lain.

Respons

Adakah anda yakin bahawa Tuhan akan melindungi kamu?

Penerapan

Percayalah dan taati arahan Tuhan dan anda akan selamat.

Doa

Ya Tuhan, bantulah saya percaya firman-Mu selalu agar saya tidak ketakutan. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 5

Yohanes Pembaptis

Berdasarkan Bab 4 dalam E-Pelajar

Objektif:

Mengikut teladan Yesus mentaati Tuhan.

Rujukan Alkitab:

Lukas 3; Matius 3

Ayat Hafalan:

"Sungguhpun Dia Anak, namun Dia belajar taat melalui segala penderitaan-Nya. "
Ibrani 5:8



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yohanes mengaku bahawa Yesus yang harus membaptis Yohanes.
2. Yesus dibaptis dalam kepatuhan kepada kehendak Tuhan.

Ingat Tak?

Kaji semula secara ringkas

Siapakah Zakharia dan Elisabet?

Bagaimanakah kelahiran Yohanes itu suatu rancangan istimewa Tuhan?


Benar atau Palsu

Pastikan sama ada yang berikut benar atau palsu. Rujuk petikan Alkitab untuk jawapan.

1. Yohanes mendiami padang gurun ketika berita Tuhan sampai kepadanya. ()
2. Yohanes mengelilingi negara menjual Alkitab. ()
3. Orang ramai tertanya-tanya sama ada Yohanes itu mungkin Kristus. ()
4. Yesus membaptis Yohanes Pembaptis. ()
5. Yohanes menyuruh orang ramai melakukan yang patut. ()
6. Tuhan berfirman dari syurga, di hadapan orang ramai bahawa Yesuslah Anak-Nya dan Dia amat berpuas hati dengan-Nya. ()

Cari

Identiti Yesus kepada Tuhan disembunyi dalam gambar tersebut. Warna atau lorek ruang dengan tanda 'x' dan jawapan akan didedahkan.



Apa patut saya lakukan?

Sudah lewat malam tetapi saya masih menonton rancangan TV kegemaran saya. Ibu suruh masuk tidur. Saya memang ingin habiskan rancangan tersebut. Apa patut saya lakukan?

Untuk harijadi seorang sahabat, saya dan Kawan-kawan yang lain berkongsi untuk membeli hadiah. Saya sangat suka hadiah tersebut dan ia memang sukar didapati. Apa patut saya lakukan?

Respons

Yesus diutus ke bumi. Dia mengikut dengan tepat apa yang disuruh Tuhan, termasuk merendahkan diri.

Jikalau Tuhan ingin anda menjalankan misi-Nya, anda boleh memilih untuk ingkar dan abaikannya. Tetapi anda juga boleh memilih untuk patuh seperti Yesus.

Apakah yang akan anda lakukan?

Penerapan

Gunakan Yesus sebagai contoh untuk segala yang dilakukan.

Doa

Ya Tuhan, hari ini saya belajar bagaimana meneladani Yesus – patuh dan rendah diri. Bantulah saya mengikut sama. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 6

Pencubaan Yesus

Berdasarkan Bab 4 dalam E-Pelajar

Objektif:

Mengambil langkah mengetahui Firman Tuhan supaya ia boleh membantu kita ketika dicuba.

Rujukan Alkitab:

Matius 4:1 – 11

Ayat Hafalan:

"Yesus menjawab, "Telah tersurat: 'Manusia hidup bukan dengan roti sahaja tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Allah.'" Matius 4:4



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus sedar bahawa Dia boleh melakukan mukjizat, tetapi Dia enggan menggunakan kuasa ini semata-mata untuk kepentingan diri.
2. Yesus tidak akan mencuba Tuhan atau tunduk kepada iblis. Dia memetik ayat dari Perjanjian Lama dan menghalau iblis pergi.

Uji diri!

Apakah tindakan anda dalam situasi berikut? Adakah anda mendengar kata Tuhan atau Iblis? Bubuh tanda rait dalam petak di tepi jawapan pilihan anda.

1. Ibu anda keluar membeli makanan. Anda di rumah kelaparan. Tiba-tiba, rakan bapa anda membawa KFC ke rumah anda.
 Saya makan KFC tersebut bersamanya.
 Saya tidak akan makan kerana ibu telah mengarahkan supaya jangan bagi sesiapa pun masuk ke rumah atau makan makanan mereka.
2. Anda sedar anda mempunyai kuasa mengubah kertas kepada wang.
 Saya akan membuat banyak-banyak wang supaya kaya!
 Saya tidak akan menyalahgunakan kuasa saya itu.
3. Anda bermain permainan video di rumah rakan anda. Anda nampak mainan yang anda inginkan sejak Hari Natal lalu.
 Saya diam-diam mengambil mainan itu dan sorokkan dalam beg. Saya sangat inginkannya.
 Walaupun saya sangat inginkan mainan itu, saya tidak akan mencurlnya.
4. Sahabat karib anda ada semua soalan dan jawapan peperiksaan akhir.
 Wah! Saya akan tiru semuanya supaya saya mendapat "A" untuk semua kertas.
 Mungkin saya tidak akan mendapat "A" untuk semua kertas, tetapi itu tidak bermaksud saya patut menipu.

Cari

Ketika Yesus di padang gurun, Iblis datang mencuba-Nya. Bagaimana Iblis mencuba Yesus? Bagaimana Yesus menentang pencubaan tersebut?

Iblis: Jika Engkau _____ perintahkanlah batu-batu ini menjadi _____.

Iblis: Jika Engkau Anak Allah, _____.

Iblis: Semua ini akan _____ kepada-Mu jika Engkau _____.

Yesus: Manusia hidup _____ dengan roti sahaja tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut _____.

Yesus: _____ engkau _____ Tuhan, Allahmu.

Yesus: _____, Iblis. Telah tersurat: 'Hendaklah engkau menyembah Tuhan, Allahmu dan kepada-Nya sahaja engkau _____.'

Kumpulan Kata:

Nyah engkau Tuhan kuberikan beribadat sujud menduga terjunlah Anak Allah Janganlah menyembahku roti bukan

Respons

Ketika tidak mampu mengatasi pencubaan, apakah yang akan anda buat?

- a) Berdoa kepada Tuhan.
- b) Minta bantuan orang lain.
- c) Tidak meminta bantuan sesiapa pun: Saya boleh atasinya sendiri!

Penerapan

Senaraikan 2 pencubaan yang sedang anda alami.

Fikirkan cara mengatasinya.

Ingat, bila anda lemah, Tuhanlah kekuatanmu!

Doa

Ya Tuhan, bila saya tidak mampu menghadapi pencubaan, bantulah saya meyakini-Mu. Kurniakanlah saya daya lebih bagi mengatasi godaan-godaan tersebut! Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 7

Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia

Berdasarkan Bab 5 dalam E-Pelajar

Objektif:

Sedar bahawa Tuhan mementingkan hati dan bukan kebolehan kita bila kita mengikut Yesus.

Rujukan Alkitab:

Lukas 5:1 – 11; 27 – 32

Ayat Hafalan:

"Allah tidak melihat sebagaimana manusia melihat. Manusia melihat penampilan lahiriah, tetapi Tuhan melihat hati."
1 Samuel 16:7b



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

Bukan kelayakan tetapi iman dan kesudian mengikut-Nya yang membolehkan kita untuk dipanggil Tuhan.

Fikir Sila jawab soalan-soalan berikut.

1. Siapakah yang diminta oleh Yesus untuk mengikut-Nya?

4. Adakah hidup mereka disenangi Tuhan? Ya/Tidak. Mengapa?

2. Kenapa mereka dipilih Yesus sebagai murid? Apakah yang mereka ada sehingga Yesus menyukai mereka?

3. Siapakah antara orang terkenal yang amat berbakat? Senaraikan dua nama dengan bakat masing-masing. Contoh: Mozart-muzik

Bayangkan


Siapakah yang akan Yesus pilih menjadi murid-Nya? Bulatkan jawapan anda.

Ahli sukan yang mementingkan diri
Tukang masak yang bongkak
Pemandu teksi yang rendah diri
Pelakon yang sombong
Pereka fesyen yang jahil

Temui Yesus

Yesus ingin kamu menjadi murid-Nya tetapi Dia tidak mementingkan bakat atau kebolehanmu. Tiada manusia yang mampu mencapai tahap kelayakkan-Nya.

Yesus hanya ingin kamu mengikuti-Nya dengan rela hati. Carikan jalan kepada Yesus dan jadilah murid-Nya.



Respons

1. Mengapa Yesus ingin kamu mengikuti-Nya? Untuk mencari wang. ()
Untuk belajar daripada-Nya. ()
2. Adakah anda sudi mengikuti Yesus? Ya / Tidak

Penerapan

Semua orang mempunyai bakat. Fikirkan bakat tersendiri anda.

Senaraikan 2 bakat: _____

Tidak kira apa bakat anda, asalkan anda melayani Tuhan segenap hati, Dia akan berpuas hati. Bila anda ingin mengikuti Yesus sepenuh hati, bakat-bakat anda boleh digunakan sewajarnya.

Layani Tuhan: (pilih di mana akan anda bermula)

Gereja, rumah, sekolah, lain-lain: _____

Kukuhkan kebolehan saya: (pilih satu kebolehan yang ingin anda kukuhkan) _____

Doa

Ya Tuhan, terima kasih kerana mengasihi saya walaupun saya tidaklah berbakat sangat. Ajarlah saya meneladani-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

2. (Filipi 4:7) Doa _____
LDLADQHQJZM JZLH JDCZLZHZM STGZM

3. (1 Timotius 2:1 – 4) Doa _____
ZCZKZG TMSTJ ADQSDQHLZ JZRHG
JDOZCZ STGZM

4. (Lukas 11:4) Doa _____
ZCZKZG TMSTJ LDLHMSZ ODMFZLOTMZM STGZM

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W X Y Z

*Nota: 'A' datang selepas 'Z'

Fikirkan

Bila dan di mana boleh saya berdoa kepada Tuhan?

- | | |
|---|--|
| <input type="checkbox"/> apabila saya tidur | <input type="checkbox"/> semasa ujian peperiksaan |
| <input type="checkbox"/> apabila saya makan | <input type="checkbox"/> semasa bermain bola sepak |
| <input type="checkbox"/> dalam bas | <input type="checkbox"/> semasa berenang |

Respons

Yesus Anak Tuhan dan Dia perlu berdoa kepada Tuhan. Kita pula bagaimana?

Penerapan

Cadangan langkah-langkah berdoa:

Puji dan bersyukur kepada Tuhan; minta pengampunan doa daripada Tuhan;
doakan orang lain dan diri sendiri

Doa

Ya Tuhan, ajarlah saya merujuk-Mu dalam segala yang saya lakukan.
Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 9

Kuasa Menyembuhkan dan Mengampun Dosa

Berdasarkan Bab 6 dalam E-Pelajar

Objektif:

Menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang tersisih.

Rujukan Alkitab:

Matius 4:23 – 25;
Lukas 5:12 – 16

Ayat Hafalan:

“Sebagai orang pilihan Allah yang suci dan amat dikasihi-Nya kamu haruslah bersifat belas kasih, baik budi, rendah hati, lemah lembut dan sabar.” Kolose 3:12



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

Yesus mengembara ke seluruh Galilea mengajar dan menyembuh. Dia amat mengasihi mereka yang menderita dan yang tersisih.

Temu ramah

Temu ramah 3 orang dalam kumpulan anda dan tanyakan soalan-soalan berikut.

Apa yang dipentingkan bila bersahabat?
Kemasyhuran? Wang?

- 1.
- 2.
- 3.

Orang bagaimana yang anda biasanya elakkan? Sombong? Miskin?

- 1.
- 2.
- 3.

Respons

Apa tindakan anda?

Apakah yang akan anda buat jika mendapati diri dalam situasi berikut?

Rakan-rakan anda memerli seorang perempuan dalam kelas yang agak gemuk dan menyebabkan dia menangis.	Anda nampak seorang pakcik tua yang buta cuba melintas jalan dan tiada siapa membantunya.
Ada seorang pelajar dalam kelas anda yang tidak disukai sesiapa pun.	Cikgu mengutip duit untuk membantu salah seorang pelajar miskin yang ibunya menderita penyakit barah.

Penerapan

Minggu ini, buatlah keputusan dan komitmen untuk melakukan SESUATU yang baik kepada mereka yang tersisih.

Doa

Ya Tuhan, _____ . Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 10

Kuasa Mengampun Dosa

Berdasarkan Bab 6 dalam E-Pelajar

Objektif:

Yakin bahawa dosa kita akan diampuni oleh Yesus jika kita insaf.

Rujukan Alkitab:

Markus 2:1 – 12

Ayat Hafalan:

"Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan." 1 Yohanes 1:9



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Ahli Taurat mempersoalkan kewibawaan Yesus mengampuni dosa.
2. Yesus membuktikan kewibawaan-Nya dengan menyembuhkan lelaki lumpuh.

Pembedahan

Pernahkah anda menjalani pembedahan? Ya / Tidak

Apa itu pembedahan? Mengapa sesetengah pesakit memerlukan pembedahan?

Tahukah anda?

Doktor boleh mengeluarkan yang buruk daripada badan kita, tetapi Tuhan sahaja yang mampu mengeluarkan yang buruk dari dalam hati kita.

Cari

Isi semula perkataan-perkataan. Cuba elakkan merujuk petikan Alkitab dengan terlalu cepat.

1. tKikae eYssu hmiliate ianm eekmar, iDa tekbara apkeda norga ulupmh iut, "nakA-Ku, sdoamus tleh npdamiukan." Markus 2:5

2. aDi baektra edpaka aorgn uluphm iut, 11"kuA bkeraat kaepdmua, ganubn, ganatk triamku, adn npaulaglh." Markus 2:10 – 11

Adakah anda busuk hati?

Apa yang anda nyatakan tentang diri sendiri dan dosa? Sila pilih SATU jawapan sahaja.

- Saya gemar hidup secara buruk dan jahat. Memang seronok dan tidak salah pun.
- Saya sedar bahawa saya tidak patut buat jahat tetapi saya tidak boleh mengawal diri.
- Bukan selalu saya buat jahat. Jadi tidak perlu saya meminta ampun daripada Tuhan.
- Kadangkala saya tidak baik dan saya banyak berdosa. Ampunilah saya, ya Tuhan.

Cabaran terbesar

Senang sahaja membuat/mengata sesuatu yang buruk. Mengapa tidak mencabar diri supaya buat baik? Bubuh tanda rait dalam kotak jika anda fikir boleh mengatasi cabaran tersebut.

- Saya TIDAK akan menipu dalam peperiksaan.
- Saya TIDAK akan bercakap bohong kepada ibu bapa.
- Saya akan menghormati orang lain.
- Saya TIDAK akan mempergunakan orang lain.
- Saya TIDAK akan mencuri biar sebab apa pun.

Respons

Semua orang berdosa. Walaupun yang terpandai, tercantik, tertinggi... Dan kita semua memerlukan pengampunan Tuhan.

Setuju? Tidak setuju? Apa pendapat anda?

Penerapan

Cabar diri anda supaya meminta ampun dengan berani daripada Tuhan dan mereka yang telah anda salahkan. Kemudian, lupakan, mula semula dan maju.

Doa

Berdoa kepada Tuhan meminta ampun dan kekuatan untuk menjauhi dosa.

Pelajaran 11

Ucapan Bahagia

Berdasarkan Bab 7 dalam E-Pelajar

Objektif:

Didorong oleh kesedaran bahawa kita diberkati apabila melakukan apa yang benar mengikut pandangan Tuhan.

Rujukan Alkitab:

Matius 5:3 – 12

Ayat Hafalan:

“Diberkatilah mereka yang suci hati, kerana mereka akan melihat Allah.”
Matius 5:8



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

Menelaah Ucapan Bahagia, bahagian pertama Khutbah di Bukit.

Kosa kata

“DIBERKATI” : apakah maksudnya?

Rujuk kamus dan jawab soalan-soalan berikut:

1. Sila bulatkan: Kata sifat / Kata kerja / Kata nama
2. Erti: _____

Fikir

Yesus berbicara tentang sikap manusia kepada orang ramai di atas gunung. Kenal pasti sikap duniawi yang bercanggah dengan Ucapan Bahagia

Saya tidak memerlukan sesiapa pun. Saya boleh melakukannya sendiri.
Jawapan: Ayat 3 – miskin kerohanian

Hidup saya patut gembira selalu, tidak kira apa pun.
Jawapan: _____

Saya mencuri jam tangan Yohanes tetapi saya melaporkan kepada cikgu bahawa Franny yang mencurinya. Saya gemar melihat mereka bermusuh.
Jawapan: _____

Rakan Kristian saya akan dibuang sekolah kerana mengadu tentang kebersihan bilik air. Nasib baik saya tidak membuat aduan.

Jawapan: _____


Saya pasti cikgu tidak dapat mengesan bahawa kawan saya yang siapkan kerja rumah saya. Saya pun memang suruh dia meniru tulisan saya.

Jawapan: _____

Cari

Cari dan bulatkan semua perkataan berikut.

Diberkati	Penurut
Mewarisi	Ketenangan
Pendamai	Berpengasihan
Ucapan Bahagia	Tuhan
Suci	Kebenaran



Respons

Mana satu antara 8 Ucapan Bahagia yang anda perlukan?

Adakah anda terus berpegang kukuh kepada Ucapan Bahagia tersebut walaupun tidak diberkati serta-merta? Ya / Tidak

Penerapan

Kita bukan manusia sempurna. Tetapi, sebagai umat Kristian, kita perlu mengamalkan Ucapan Bahagia dalam hidup masing-masing. Anda boleh mulakan dengan berdoa kepada Tuhan untuk menyucikan hatimu.

Doa

Ya Tuhan, _____. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 12

Khutbah di Bukit

Berdasarkan Bab 7 dalam E-Pelajar

Objektif:

Mengamalkan cara hidup yang kita tahu akan menggembirakan Tuhan.

Rujukan Alkitab:

Matius 5:17 – 48

Ayat Hafalan:

“Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga.”
Matius 5:16



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

Yesus ingin memastikan murid-Nya betul-betul faham bagaimana Tuhan ingin penganut-Nya hidup.

Fikir Apakah ciri-ciri bapa yang baik?

- Berpengasih
- Pengasih
- Mementingkan diri
- Memenuhi keperluan saya
- Tegas mendisiplin
- Menjaga saya
- Mengajar saya baik dan buruk

Tuhanlah Bapa kami di Syurga.
Tentukan beberapa ciri-ciri-Nya.

1 Yohanes 4:9 _____
Filipi 4:19 _____
Amsal 3:11 – 12 _____

Apa yang menggembirakan Tuhan?

Kenal pasti pernyataan yang menggembirakan Tuhan. Bubuh tanda dalam petak. Berikan satu lagi pernyataan yang anda agak akan menggembirakan Tuhan.

Saya bercakap bohong kepada ibu pagi tadi.

Saya sumpah saya tidak mencuri wang.


Kawan saya memberi saya wayang lucu. Saya buang.

Rakan-rakan mengejek fesyen rambut saya tetapi saya tidak endah sangat.


Saya masukkan cicak dalam beg kakak kerana dia memberitahu ayah yang saya bergaduh di sekolah.

Betulan

Ayat Alkitab berikut dicampuraduk merata-rata. Aturkan kembali semula dengan memadamkan bentuk.



Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna. Roma 12:2



Respons

Bayangkan anda di sebuah pulau di mana anda boleh melakukan apa sahaja mengikut suka hati. Apa yang akan terjadi? Senaraikan dua perkara baik:

Senaraikan dua perkara buruk:

Penerapan

Fikirkan SATU perintah yang anda boleh taati seumur hidup untuk menggembirakan Tuhan.

Contoh: Saya tidak akan mencuri.

Jikalau anda rasa tidak mampu mengikut perintah Tuhan sepenuhnya, berdoalah kepada-Nya.

(Kolose 1:10 – 11)

Doa

Ya Tuhan, terima kasih kerana Engkau mengasihiku. Bantulah saya menggembirakan-Mu dalam apa sahaja saya lakukan. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 13

Iman, Kuasa dan Kewibawaan

Berdasarkan Bab 8 dalam E-Pelajar

Objektif:

Menyerahkan segala kegentaran tentang penyakit atau roh jahat kepada Yesus kerana Dia mempunyai kewibawaan atas segala-galanya.

Rujukan Alkitab:

Matius 8:5 – 13;

Markus 4:35 – 41; 5:1 – 20

Ayat Hafalan:

“Mereka berasa gerun lalu berkata sesama sendiri, “Siapakah Dia ini? Angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya!” Markus 4:41



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus memuji iman Ketua tentera Roma lalu menyembuhkan hambanya.
2. Yesus menunjukkan kewibawaan-Nya ke atas kuasa-kuasa alam semulajadi dengan meredakan ribut.
3. Yesus menunjukkan kewibawaan dan kuasa-Nya dengan menghalau roh jahat.

Tulis

Rujuk Markus 10:52 dan tulis ayat tersebut.



Markus 10:52

Fikir

Bulatkan jawapan betul.

Iman Ketua tentera Roma (Matius 8:5 – 13)

- 1) Ketua tentera Roma ingin Yesus (menyembuhkan / marah / mengikat) hambanya.
- 2) Yesus memuji Ketua tentera Roma kerana dia (ragu / percaya / menyumpah) akan kebolehan Yesus menyembuhkan hambanya.
- 3) Akhirnya, hamba tersebut (meninggal / sembuh / lenyap).

Yesus meredakan ribut (Markus 4:36 – 40)

- 1) Yesus di dalam (rumah / gereja / perahu) bersama murid-Nya.
- 2) Yesus (memancing / tidur / minum) ketika ribut mabadai.
- 3) Murid-murid (gembira / takut / mengantuk) apabila ribut melanda.

Penyembuhan lelaki yang dirasuk iblis (Markus 5:1 – 20)

- 1) Bila Yesus turun dari perahu, (kambing / budak / lelaki) menghampiri-Nya. Dia (berduit / dirasuk iblis / bergembira).
- 2) Iblis-iblis merayu Yesus supaya tidak menghalau mereka ke luar negeri. Jadi Yesus membenarkan mereka memasuki (air / semak / babi).
- 3) Lelaki tersebut menjadi (waras / ganjil / miskin) semula.

Respons

Apakah yang boleh anda belajar daripada Ketua tentera Roma tersebut? Nilaiannya dalam Yesus.

Adakah anda berpendapat imannya layak diberi lima bintang? Berapa bintang yang anda dapat untuk iman anda dalam Yesus?

Penerapan

Yesus bukan suatu jenaka. Dialah penyembuh terbaik di seluruh alam semesta. Berdoa kepada-Nya setiap hari dan kukuhkan iman. Bila anda takut akan penyakit atau roh jahat, Yesuslah doktor dan pelindung anda.

Doa

Ya Tuhan, _____. Saya boleh meyakini-Mu kerana Engkau Tuhan pengasih. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 14

Yesus dan Anak Yairus

Berdasarkan Bab 9 dalam E-Pelajar

Objektif:


Belajar meyakini Tuhan walaupun mereka yang di sekeliling tidak percaya.

Rujukan Alkitab:

Markus 5:21 – 43

Ayat Hafalan:

"Yesus tidak menghiraukan kata-kata itu. Dia berkata kepada ketua saumaah, "Jangan takut, percaya sahaja." Markus 5:36




BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus menyembuhkan seorang wanita dengan masalah pendarahan dan membangkitkan anak perempuan yang telah meninggal.
2. Kedua-dua cerita ini menunjukkan kepentingan beriman dalam segala urusan dengan Tuhan.

Cari



Ke bawah

1. Dia menghidap penyakit _____ selama 12 tahun. (Markus 5:25)
2. Salah seorang pemimpin saumaah yang disebut dalam Markus 5:25 – 43 _____
3. "Anak itu tidak mati, cuma _____." (Markus 5:39)

Melintang

1. Dia mendekati Yesus dari belakang lalu menyentuh _____-Nya. (Markus 5:27)
2. Siapa yang katakan? "Jangan takut, percaya sahaja." (Markus 5:36)
3. Yesus berkata, " _____ kum!" dan anak perempuan tersebut bangkit. (Markus 5:41)
4. Yairus merayu Yesus datang menjumpai _____. (Markus 5:21 – 23)

Tahukah anda?

Yesus sering menyembuhkan pesakit kerana SATU sebab dan bukan sekali sahaja, tetapi berulang kali. Menurut anda, apakah sebab itu? Cuba dapati dari ayat-ayat Alkitab berikut.

Kebenaran dalam Alkitab	Jawapan
1. Markus 5:34	1.
2. Lukas 8:48	2.
3. Lukas 17:19	3.
4. Lukas 18:42	4.
5. Kisah Para Rasul 14:9	5.

Benar atau Palsu

1. Wanita menyentuh jubah Yesus dan sembuh. ()
2. Yairus dipaksa sujud di hadapan Yesus. ()
3. Yesus bukan sahaja menyembuhkan penyakit fizikal wanita tersebut tetapi juga penyakit rohaninya. ()
4. Anak perempuan itu hanya bermain-main dengan bapanya. ()
5. Semua orang yakin bahawa Yesus mampu menyembuh. ()

Respons

Yairus, pemimpin saumaah juga sujud meminta Yesus menyembuhkan anaknya. Seringkah anda sujud meminta Yesus menyembuhkan penyakit anda sama ada fizikal atau rohani?

Penerapan

Teladanilah Yairus dan wanita yang meyakini Yesus sepenuhnya. Senaraikan beberapa cara yang boleh anda lakukan untuk mengukuhkan iman.

Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya mengukuhkan kepercayaanmu dalam-Nya.

Memberi Makan Kerumunan Besar

Berdasarkan Bab 10 dalam E-Pelajar

Objektif:

Memuji Tuhan kerana Dia memenuhi keperluan fizikal kita.

Rujukan Alkitab:

Matius 14:1 – 21;
Yohanes 6:1 – 33

Ayat Hafalan:

"Tuhan ialah gembalaku,
aku tidak akan
kekurangan apa-apa
pun." Mazmur 23:1



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus menyediakan makanan rohani dan jasmani untuk kerumunan besar itu.
2. Sekali lagi, Yesus membuktikan di hadapan murid-Nya kewibawaan-Nya ke atas alam semulajadi.

Kuiz

Pilih jawapan yang betul:

1. Siapa yang dipancung Raja Herodes?
a. Yohanes Pembaptis
b. Yakobus
c. Yohanes
2. Apa yang dilakukan Yesus apabila mendapat tahu Yohanes dipancung?
a. masuk ke bandar
b. pergi bersendirian
c. makan
3. Yesus berpengasihian terhadap kerumunan besar itu, apa yang dibuat-Nya?
a. menceritakan perumpamaan
b. menyembuhkan yang sakit
c. menyanyikan lagu
4. Oleh sebab sudah lewat petang, murid-Nya bertanya Yesus tentang...
a. kasih sayang
b. makanan
c. pakaian
5. Filipus berasa upah _____ tidak cukup untuk membeli makanan untuk kerumunan tersebut.
a. 2 bulan
b. 8 bulan
c. 20 bulan
6. Apa yang dilakukan Yesus dengan lima buku roti barli dan dua ekor ikan itu?
a. agihkan; bersyukur; makan
b. menerima; bersyukur; buang
c. menerima; bersyukur; agihkan kepada kerumunan

Cari

Anda merasa kenyang selepas makan. Masih banyak makanan lebihan atas pinggan, apa yang anda buat?

Apa yang dikatakan Yesus tentang makanan lebihan? (Yohanes 6:12)

Respons

Mengapakah Yesus melakukan mukjizat?

Adakah Tuhan mementingkan keperluan fizikal anda?

- Ya, Dia mengambil berat seluruh hidup saya.
- Tidak, Dia hanya mengambil berat pemikiran saya.

Penerapan

Bersyukur kepada Tuhan setiap kali sebelum makan. Doakan mereka yang tidak ada makanan.

Doa

Ya Tuhan, saya bersyukur untuk makanan saya.

Petrus Mengisytiharkan Yesus Mesias

Berdasarkan Bab 11 dalam E-Pelajar

Objektif:

Berserah hidup kepada Yesus kerana Dia mati berkorban untuk dosa kita.

Rujukan Alkitab:

Matius 16:13 – 26

Ayat Hafalan:

"Simon Petrus menjawab,
"Engkau ialah Kristus, Anak
Allah Yang Hidup."
Matius 16:16



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Petrus mengisytiharkan Yesus Kristus, anak Tuhan yang Hidup.
2. Murid-murid belum lagi faham bahawa Mesias perlu menderita dan dikorbankan untuk dosa-dosa manusia.

Kuiz

Yesus tanya Petrus beberapa soalan.
Bagaimana Petrus menjawab?

"Menurut kata orang, siapakah
Anak Manusia ini?"

Yesus

Murid:

_____, Elias, atau

atau _____

nabi lain.

"Menurut kamu, siapakah Aku ini?"

Yesus

Petrus:

"Engkau ialah _____,

_____."

Cari

Cari perkataan yang disebutkan Yesus dalam ayat 24. (Hanya cari perkataan dalam petak.)

Jika

-Ku, dia harus

,

dan

-Ku.

Menurut Alkitab, mengikut Yesus bukan senang. Ia bererti komitmen penuh, membahayakan hidup, serta tidak berpatah balik. Tetapi ganjarannya lebih hebat dari segala yang wujud di bumi – iaitu HIDUP YANG KEKAL.



Respons

Jika Yesus tanya anda hari ini, "Menurut kamu, siapakah Aku ini?" apa jawapan anda kepada-Nya? Adakah anda menganggap-Nya Tuhan dan Penyelamat?

Ya! _____

Tidak, saya _____

Penerapan

Jika anda tidak berapa pasti apa yang difikirkan tentang Yesus, luangkan masa mengenali-Nya dengan membaca Alkitab, menghadiri kelas Minggu, dan mendengar pendapat orang Kristian lain.

Jika anda telah menerima Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat, fikirkan langkah-langkah yang perlu diambil agar menjadi umat Kristian yang menggembirakan-Nya. Anda digalakkan menyimpan jurnal untuk mencatat pengalaman anda sebagai umat Kristian.

Doa

Ya Tuhan, Engkau datang ke bumi menderita dan berkorban demi menghapuskan dosa-dosa saya. Terima kasih atas kasih sayang bersifat korban Engkau itu. Bantulah saya menyerahkan hidup saya kepada-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 17

Pemuliaan

Berdasarkan Bab 11 dalam E-Pelajar

Objektif:

Ketahui bahawa apabila kita setia kepada Tuhan, Dia akan mendedahkan perkara dalam hati-Nya.


Rujukan Alkitab:

Matius 17:1 – 13

Ayat Hafalan:

"Rahsia Tuhan ada pada mereka yang takut kepada-Nya; dan Dia akan menunjukkan mereka perjanjian-Nya."

Mazmur 25:14



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus membenarkan 3 murid karib-Nya menyaksikan penglihatan kemuliaan-Nya, Dia dikelilingi cahaya terang bersama Musa dan Elia yang dibangkitkan.
2. Penglihatan ini membantu mereka faham bahawa Yesus memang akan bangkit semula kelak.

Kuiz

1. Siapa yang Yesus bawa bersama naik gunung? (Matius 17:1)

2. Wajah Yesus bersinar seperti _____, dan pakaiannya menjadi _____. (Matius 17:2)

3. Siapakah Musa dan Elia? (Ulangan 18:15 – 19; Maleakhi 4:5 – 6)

Tahukah anda?

Apabila anda membaca petikan minggu ini, Pemuliaan hampir tidak boleh masuk akal. Tetapi ia memang benar. Peristiwa ini juga disebut dalam Alkitab dua kali lagi. Tentukan di mana.

	A	B	C	D	E
1	M	:	U	-	9
2	Q	L	H	13	K
3	P	B	A	K	16
4	44	9	:	O	X
5	28	R	Y	J	5
6	R	2	-	T	36
7	I	G	E	S	N

Jawapan:

1. A1, C3, B5, D3, C1, D7, B4, B1, B6, C6, D2

2. B2, C1, E2, C3, D7, B4, B1, A5, D1, E6

1. _____

2. _____

Respons

1. Apa yang boleh dipelajari daripada petikan Alkitab minggu ini?
2. Adakah anda percaya bahawa Tuhan akan menunjukkan kehendak-Nya?

Ya, saya percaya Dia akan berbuat demikian bila saya setia mentaati-Nya. _____

Tidak, saya tidak percaya Tuhan akan menunjukkan kehendak-Nya.

Penerapan

1. Baca Alkitab, berdoa, dan habiskan masa bersama Tuhan setiap hari. Dengan ini, anda akan dapat tahu dengan jelas kehendak Tuhan untukmu.

Doa

Ya Tuhan, _____

Pelajaran 18

Wanita Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati

Berdasarkan Bab 12 dalam E-Pelajar

Tema:

Yesus mengajar supaya mengasihi dan membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira bangsa, jantina, ataupun sama ada mereka mempunyai pandangan yang berbeza daripada kita.

Tujuan Pelajaran:

Berusaha mengasihi mereka yang memerlukan bantuan tanpa menghiraukan betapa berbeza mereka daripada kamu.

Rujukan Alkitab:

Yohanes 4:1-42; Lukas 10:25-37



Ayat Hafalan:

"Yesus menjawab, " 'Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu.' Inilah perintah yang terutama dan terpenting. Perintah kedua sama pentingnya: 'Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.'" Matius 22:37-39

BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus meruntuhkan penghalang yang sejak dahulu memisahkan orang Yahudi dan orang Samaria, dan antara jantina.
2. Yesus sengaja menggambarkan orang Samaria sebagai wira yang membantu jirannya.
3. Para imam dan orang Lewi tidak menepati maksud dan niat hukum Taurat.

Latar belakang

1. Orang Yahudi tidak suka akan orang Samaria kerana orang Samaria
 - a. merupakan bangsa kacukan orang Yahudi dengan orang asing yang dianggap orang Yahudi tidak tulen.
 - b. samseng dan perompak.
 - c. sangat kaya dan berkuasa.
 - d. sombong dan benci.
2. Orang mungkin tidak suka akan perempuan Samaria tersebut, tetapi Yesus berbual dengannya dan menawarkannya air hidup kerana...
 - a. Dia salah anggap wanita tersebut orang Yahudi.
 - b. Dia mengasihinya sebagai anak Tuhan.
 - c. Dia tidak mengenalinya.
 - d. wanita tersebut ramah mesra.
3. Mereka arif tentang hukum Tuhan tetapi tidak menerapkan hukum-hukum tersebut dalam hidup masing-masing. Siapakah mereka?
 - a. Orang Samaria
 - b. Ahli-ahli Taurat
 - c. Maria dan Marta
 - d. Orang ramai

Cari

Ada sesuatu yang begitu penting sehingga disebutkan dalam Alkitab lebih daripada sekali. Boleh kamu carikan apa perkara tersebut?

	A	B	C	D	E	F
1	Y	X	R	O	U	E
2	X	I	D	X	J	Y
3	N	L	E	E	E	R
4	S	X	X	L	L	O
5	V	O	R	X	X	N
6	F	S	X	G	A	X
7	M	H	B	X	X	K

Answers:

F7, E6, A4, B2, B7, B2, E4, E6, B7 A4, C3, B6, E6, A7, E6

B6, D3, C7, E6, D6, E6, B2, A7, E6, F5, E6

F7, E6, A7, E1 A7, C3, F5, D6, E6, A4, B2, B7, B2

C2, B2, C1, B2, A7, E1 A4, E3, F5, C2, B2, C1, B2

Fikirkan

Senario: Sheila wanita tua yang berjalan amat perlahan dengan tongkatnya. Dia baru habis membeli-belah di pasar dan sekarang cuba menaiki bas. Tetapi sekarang waktu sibuk dan ramai orang berbaris menunggu giliran di hadapannya.

Respons kamu: Bayangkan kamu Sheila. Apa yang kamu harapkan orang lain lakukan untuk kamu (dengan kasih dan prihatin)?

Jikalau saya Sheila, saya berharap _____

Respons

1. Adakah senang bagi kamu mengasihi dan mengambil berat tentang orang lain?
Kenapa?
Ya/Tidak _____

Siapa agaknya sesama manusia bagi kamu? _____

Adakah dia berbeza daripada kamu? Ya/Tidak, _____

Kalau ya, bagaimana kamu boleh mengasihi dan mengambil berat tentang dia?

*Rahsia Terbesar: Anggap diri kamu sebagai orang lain dan kamu akan tahu bagaimana mengasihi dan mengambil berat tentang mereka tidak kira siapa mereka.

Doa

Ya Tuhan, ajarlah saya bagaimana mengasihi jiran saya sebagaimana saya mengasihi diri sendiri, lebih-lebih lagi apabila saya malas berbuat demikian. _____ Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 19

Kepentingan Menjadi Rendah Hati

Berdasarkan Bab 13 dalam E-Pelajar

Tema:

Yesus memanggil kita supaya menjadi rendah hati kerana hanya mereka yang rendah hati yang mampu menyentuh hati Tuhan.

Tujuan Pelajaran:

Minta Tuhan membantu kamu menjadi rendah hati.

Rujukan Alkitab:

Lukas 18:9-14;

Matius 18:1-6



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

Yesus menggunakan budak kecil untuk menunjukkan kepada murid-Nya yang Kerajaan Tuhan menghormati mereka yang merendahkan diri serta jujur dan mempercayai seperti anak-anak kecil.

Ayat Hafalan:

“Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan.”

Lukas 18:14

Tahukah anda?

Apakah erti “rendah diri” kepada kamu? _____

Apakah yang bertentangan dengan rendah diri? _____

Ramai orang memikirkan bahawa menjadi rendah hati itu bererti membenarkan diri dipijak orang dan seterusnya berasa bawahan. Tahukah anda perbezaan antara rendah hati dan bawahan?

1. Seseorang yang bawahan tidak gembira tetapi seseorang yang rendah hati mungkin amat gembira. Ya Tidak
2. Orang bawahan selalu cuba semula berkali-kali setelah gagal. Ya Tidak
3. Orang yang rendah hati menganggap diri mereka lebih rendah dan paling buruk antara orang ramai. Ya Tidak
4. Apabila seseorang yang rendah hati ditunjuk ajar, dia berasa tersinggung dan enggan mendengar ataupun menerima pendapat jujur. Ya Tidak

Yang mana satu paling baik mewakili kamu? Rendah hati Bawahan Sombong

Pelajaran 20

Ibarat tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai

Berdasarkan Bab 14 dalam E-Pelajar

Tema:

Tuhan ibarat bapa kepada anak boros yang begitu mengasihi kita dan mengalu-alukan dengan amat sukacita kepulangan kita kepada-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Puji Tuhan dan bersyukur kerana bersukacita apabila kamu kembali pada-Nya.

Rujukan Alkitab:

Lukas 15:1-31

Ayat Hafalan:

"...malaikat-malaikat Allah bergembira kerana seorang yang berdosa bertaubat."
Lukas 15:10



BELAJAR


Kebenaran Alkitab:

1. Tuhan bersukacita kerana seorang yang rela bertaubat berbanding seorang lagi yang berfikir dirinya cukup salih dan tidak perlu bertaubat.
2. Kita seperti anak sesat yang perlu bertaubat. Tuhan seperti bapa pengasih yang menghulur tangan kepada anaknya yang hilang.
3. Awas: Jangan menjadi seperti abang dalam cerita.

Yang Hilang dan Yang Dijumpai

Cuba cari semua perkataan di bawah.

DOSA	KEBULURAN
ANAK	DIJUMPA
BABI	BELAS KASIHAN
JUBAH	KERAIAN
CAPAL	BAPA
KEMARAU	JAMUAN
CINCIN	HILANG



Bayangkan

Kamu jumpa sekotak coklat di meja Yohanes. Kamu ambil dan kongsi bersama rakan lain dan mereka sangat suka pada kamu. Suatu hari, kamu hilang sebatang pen dan kamu pasti Yohanes yang mencurinya kerana kamu dahulu mencuri coklatnya.

Adegan 1

KK haiwan peliharaan yang paling kamu gemari. Suatu hari, KK gigit semua kasut kamu, beg, katil, dan buku kegemaran kamu. Apabila kamu pulang ke rumah dan mendapati kucar-kacir yang dibuat KK, kamu sangat marah. Tetapi kamu tidak dapat mencari KK. Kamu risau.

Adegan 2

Jikalau kamu Yohanes, agaknya perlukah kamu meminta maaf dan memulangkan pen tersebut? Setelah kamu meminta maaf dan memulangkan pen tersebut, adakah kamu berharap akan dimaafkan?

Ya/Tidak. Mengapa? _____

Tuliskan perasaan kamu terhadap Adegan 2.

Jikalau KK tidak pulang, apa yang akan kamu buat?

- a. Hebat, saya tidak mahu KK lagi.
- b. Bagus! Saya tidak akan memaafkan KK.
- c. Alamak, saya tidak mahu kehilangan KK.
- d. Tidak! Saya akan memaafkan KK. Pulanglah!

Respons

Pernahkah kamu berasa kamu meninggalkan Yesus dan tidak mahu bersama-Nya lagi?

Apa yang berlaku? Adakah kamu sudi kembali kepada-Nya?

Penerapan

Bukan mudah bagi manusia memaafkan tetapi Tuhan boleh dan akan mengampuni segala dosa kamu apabila kamu bertaubat dan kembali kepada-Nya. Dia akan menerima kamu seperti bapa yang menerima anaknya yang sesat. Berdoalah dengan ikhlas kepada Tuhan meminta diampuni. Juga puji dan bersyukur kerana Dia menerima kamu dan bersukacita akan kepulangan kamu.

Doa

Ya Tuhan Yesus, _____ Terima kasih. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 21

Yesus Dan Lazarus

Berdasarkan Bab 15 dalam E-Pelajar

Tema:

Sesiapa yang mempercayai Yesus akan dibangkitkan semula apabila Yesus kembali dan akan hidup bersama-Nya buat selama-lamanya.

Tujuan Pelajaran:

Belajar meyakini bahawa Tuhan akan membangkitkan kita apabila Yesus kembali dan hidup bersama-Nya buat selama-lamanya.

Rujukan Alkitab:

Yohanes 11:1-57



Ayat Hafalan:

Yesus berkata kepada Marta, "Akulah kebangkitan dan hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati."
Yohanes 11:25

BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus membangkitkan Lazarus; Dia berbuat demikian untuk membuktikan kepada para murid-Nya dan orang ramai bahawa Dialah Anak Tuhan.
2. Dia menjelaskan kepada Marta supaya tidak perlu takut pada kematian tubuh, hanya percaya dan sedar bahawa Yesus mempunyai kuasa untuk memberi hidup selepas kematian.
3. Walaupun Yesus tahu bahawa Dia boleh membangkitkan Lazarus, Yesus juga menangis apabila Dia melihat kehibaannya dan kesedihan sahabat-sahabat-Nya.

Tunjukkan

Adakah kisah Lazarus berbunyi seperti cerita dongeng? Memang, **tetapi** ia benar-benar berlaku. Cuba fikirkan, antara semua kartun-kartun yang pernah kamu tonton, mana satu wira membangkitkan orang lain yang telah mati? Adakah sesiapa yang menggelarkan dirinya KEBANGKITAN dan KEHIDUPAN?

Lukiskan Yesus dalam perspektif tersendiri ➡
kamu:




Fikirkan

Melintang

- Saudara perempuan yang berkata, "Saya tahu... dia akan dibangkitkan pada hari terakhir."
- Tempat tinggal Lazarus.
- Ketua Imam yang bernubuat tanpa menyedarinya.
- Merupakan apa yang dikatakan Yesus kepada Marta tentang dirinya.

Ke bawah

- Jumlah hari Lazarus dikebumikan.
- "Bukankah sudah Kukatakan kepadamu, kalau kamu _____, kamu dapat melihat kemuliaan Tuhan?"
- Diletakkan di hadapan makam dan perlu dialihkan supaya Lazarus boleh keluar.
- Perkara yang Yesus harapkan para murid-Nya akan lakukan.
- Orang di sana ingin merejam Yesus dengan batu.



Tafsir

Tulis jawapan di ruang yang disediakan.

a=Ⓜ e=◆ o=⌘ s=□

DⓂN KITⓂ TⓂHU BⓂHⓂWⓂ DⓂLⓂM □◆MUM ⓂLLⓂH B◆K◆RⓂJⓂ UNTUK
 K◆BⓂIKⓂN ⌘RⓂNG YⓂNG M◆NGⓂ□HI-NYⓂ YⓂNG T◆LⓂH DIPⓂNGGIL
 M◆NURUT RⓂNCⓂNGⓂN-NYⓂ R⌘MⓂ 8:28

Respons

Apabila perkara buruk berlaku kepada kamu, ke manakah hala tuju kamu?
 Adakah iman kamu tamat dengan kematian atau kamu berpaling kepada Yesus untuk bantuan?
 Dalam ruang kehidupan manakah kamu meyakini Tuhan? Ceritakanlah.

Penerapan

Belajar meneladani Maria dan Marta yang berpaling kepada Yesus untuk bantuan apabila mereka tidak tahu apa yang harus dilakukan. **Cabaran kamu hari ini:** Apabila menghadapi sesuatu yang buruk, tuliskan dan doakanlah kepada Tuhan setiap hari. Ingat bahawa Tuhan mempunyai masa tersendiri-Nya dalam segala hal.

Doa

Ya Tuhan Yesus, _____ Terima kasih. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 22

Yesus Dan Zakheus

Berdasarkan Bab 16 dalam E-Pelajar

Tema: Apabila kita betul-betul menyesali kesalahan yang telah kita buat, tingkah laku kita akan menunjukkan bahawa kita sudah insaf.

Tujuan Pelajaran: Belajar menunjukkan melalui tingkah laku yang kamu insaf akan kesalahan-kesalahan yang telah kamu lakukan.

Rujukan Alkitab: Lukas 18:35-43; 19:1-10

Ayat Hafalan: "Orang yang baik membuahkan hal-hal baik daripada khazanah simpanannya kerana hatinya penuh kebaikan. Orang yang jahat membuahkan hal-hal jahat kerana hatinya penuh kejahatan." Matius 12:35

BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Lelaki buta mempunyai iman dan keberanian untuk memohon belas kasihan Tuhan.
2. Seorang ketua pemungut cukai menunjukkan pertaubatannya dan menerima pengampunan daripada Yesus.
3. Bukan mereka yang angkuh dan menganggap dirinya salih seperti Orang Farisi yang berada pada jalan betul ke syurga. Tetapi mereka yang bertaubat dan meminta pengampunan Tuhan yang menerima penyelamatan.

Menyelamatkan cerita

Alamak! Cerita telah diputarbalikkan. Mari kita betulkan semula cerita ini. Tandakan dengan pena penyerlah perkataan yang salah dan tuliskan jawapan betul dalam petak.

Contoh: Yesus menyembuhkan lelaki **pekak** kerana **wangnya**.

1. Lelaki buta itu **penjelajah**.
2. Zakheus adalah **ketua polis** yang **mengumpul haiwan peliharaan** orang.
3. Zakheus memanjat pokok untuk **mengambil gambar bunga**.
4. Yesus nampak Zakheus dan memintanya turun dari **kuda** kerana Dia ingin **membawanya ke Yerusalem**.
5. Ramai orang **memuji** Zakheus kerana apa yang dilakukannya dahulu.
6. Akhirnya, Zakheus meminta maaf dan berjanji akan memberikan hartanya kepada orang **kaya**, dan jikalau dia menipu orang atas **bonus** mereka, dia akan membayar balik **lima puluh** kali ganda.
7. Yesus berkata, "**Minggu lepas** juga penyelamatan telah datang kepada seisi rumah ini .. Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan mereka yang **gemuk** dan **pendek**.

Rendah hati atau tidak?

Adakah dia melakukan kesalahan? Bagaimanakah mereka boleh menunjukkan bahawa mereka menyesali perbuatan mereka?

<p>Yusuf memberitahu ibu bapanya bahawa dia memerlukan RM50 untuk membeli buku untuk kelas. Sebaliknya, Yusuf menghabiskan wang tersebut bersama kawan-kawannya.</p>	
	<p>Adik Maggie memecahkan cawan kegemarannya dan dia menengking adiknya, "Kamu bodoh!" dan menendangnya.</p>
<p>Apabila Nicole mendapat tahu yang Martin masih kencing katil, dia memberitahu semua kawan-kawannya. Sekarang Martin dikenali sebagai "raja kencing".</p>	
	<p>Ibu Emily memarahinya apabila dia tidak menyiapkan kerja rumah. Emily tidak hirau dan menyumpah ibunya dalam hati.</p>
<p>Nenek Ronald datang melawat. Ronald tidak peduli apabila nenek bercakap dengannya dan memasang muzik dengan kuat.</p>	

Respons

Fikirkan apa yang Zakheus lakukan untuk kesilapannya yang terdahulu.

Mengapa agaknya dia berbuat demikian? _____

Zakheus rela mengaku salah dan menunjukkan yang dia menyesali perbuatannya terhadap orang ramai.

Adakah kamu sudi meneladani Zakheus? Ya Tidak. Mengapa?

Penerapan

Buat senarai seperti yang di bawah untuk minggu lepas.

Hari	Kesalahan yang saya buat	Bagaimana saya membuktikan saya insaf
Isnin	Saya berbohong kepada cikgu	Mengaku dan meminta maaf kepada cikgu
⋮	⋮	⋮

Doa

Ya Tuhan, ___ Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 23

Yesus Masuk Ke Yerusalem

Berdasarkan Bab 17 dalam E-Pelajar

Tema:

Yesus Raja segala Raja yang datang ke bumi untuk memerintah sebagai raja dalam hidup kita, bukan sebagai raja duniawi.

Tujuan Pelajaran:


Benarkan Yesus bertakhta dalam hidup kamu.

Rujukan Alkitab:

Matius 21:1-11; Markus 11:15-19

Ayat Hafalan:

"Pada jubah dan paha-Nya tertulis nama: "Raja Segala Raja, Tuan Segala Tuan" "
Wahyu 19:16



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:


1. Ketika Yesus masuk ke Yerusalem, ramai orang menunggu untuk mengalu-alukan-Nya sebagai raja. Tetapi rancangan Yesus bukan untuk menubuhkan kerajaan di bumi. Misi-Nya bukan membebaskan orang Yahudi daripada penghambaan kepada orang Roma tetapi daripada belenggu kejahatan dan dosa.
2. Yesus membersihkan Bait Suci dengan menghalau pedagang-pedagang durjana daripada halamannya.

Kuiz ringkas

1. Yerusalem adalah pusat agama orang Yahudi kerana _____ berada di situ.
a. Pasar b. Bait Suci c. Istana d. Bandar
2. Yesus memasuki Yerusalem pada musim _____.
a. Paskah b. Easter c. Mengundi d. Menuai
3. Orang ramai datang menyaksikan apa yang Yesus akan lakukan dengan imam dan pemimpin di Yerusalem. Mereka fikirkan bahawa Yesus akan menubuhkan _____.
a. panggung b. kuil c. kerajaan d. masalah
4. Yesus tidak gembira apabila Dia memasuki Bait Suci kerana orang ramai _____ di sana.
a. berdoa b. tidur c. memuji d. menjual dan membeli-belah
5. Ketua imam dan para ahli Taurat yang lain _____ Yesus.
a. berkomplot untuk membunuh b. berancang untuk memuliakan
c. ingin merasuahi d. berancang melawat

Biarlah Yesus Ditakhtakan

Dengan menggunakan kad manila, gunting mengikut bentuk-bentuk A, B, C, D, dan E. Saiz dan ukuran terpulang kepada kamu.



Respons

Biasanya, orang hidup mengikut emosi, perasaan, dan fikiran. Ini bererti mereka mendahulukan diri sebelum Yesus dalam hati masing-masing.

Di manakah takhta Yesus dalam hidup kamu? Adakah kamu membenarkan Dia memerintah sebagai Raja atau kamu mengarahkan-Nya mengikut keperluan kamu? Ambil masa untuk menentukan sama ada Yesus bertakhta dalam hidup kamu.

- 1. Saya berdoa sebelum melakukan sesuatu.
- 2. Kadang-kala saya berdoa sebelum melakukan sesuatu.
- 3. Saya tidak berdoa sebelum melakukan sesuatu.
- 4. Saya membaca Alkitab setiap hari supaya saya tidak akan lupa akan pengajaran Tuhan.
- 5. Saya jarang membaca Alkitab. Mungkin saya akan membaca Alkitab apabila saya berasa sesat.
- 6. Saya tidak membaca Alkitab.
- 7. Saya berdoa kepada Yesus apabila digoda.
- 8. Saya berdoa kepada Yesus hanya apabila godaan terlalu besar.
- 9. Saya boleh menghadapi godaan sendiri, tidak perlu berdoa.
- 10. Apabila saya berasa sedih, marah, atau kecewa, saya mendoakan supaya Yesus mengambil pergi kesakitan tersebut sebelum saya tidak boleh mengawal diri.
- 11. Apabila saya berasa sedih, marah, atau kecewa, saya mendoakan supaya Yesus membalas dendam untuk saya.

Siapakah atau apakah keutamaan dalam hidup kamu? Senaraikan sekurang-kurangnya 3.

Penerapan

Walaupun bukan mudah membenarkan Yesus mengambil alih, usaha itu berbaloi. Ingat bahawa jikalau kamu membenarkan Yesus bertakhta dalam hidup kamu, kamu tidak akan sesat.

Doa

Berdoalah sekarang meminta Tuhan membantu kamu membuka hati membenarkan Yesus ke dalam hati dan hidupmu.

Pelajaran 24

Yesus Dan Nikodemus

Berdasarkan Bab 17 dalam E-Pelajar

Tema: Tuhan tidak mengutus Yesus ke bumi untuk menghakimi kita, tetapi Dia mengutus Yesus untuk menyelamatkan kita daripada dosa kerana Dia mengasihi kita.

Tujuan Pelajaran: Bersyukurlah kepada Tuhan kerana Dia begitu mengasihi kita sehingga mengutus Yesus ke dunia untuk menyelamatkan kita daripada dosa.

Rujukan Alkitab:
Yohanes 3:1-21

Ayat Hafalan:
"Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal." Yohanes 3:16



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

Dalam pertemuan-Nya dengan Nikodemus, Yesus menerangkan tujuan sebenar Dia datang ke dunia ini. Ini dituliskan dalam Yohanes 3:16 yang berbunyi, "Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal."

Padankan

Selepas membaca Yohanes 3:1-21, bolehkah kamu padankan ayat di bawah tanpa merujuk Alkitab?



Bukan semua Orang Farisi membenci Yesus,



kecuali seseorang dilahirkan semula, dia tidak dapat melihat kerajaan Tuhan.



Nikodemus berkata kepada Yesus, "Rabbi, kami tahu Engkau guru yang datang daripada Tuhan..."



Tidak mungkin seseorang melakukan mukjizat seperti yang Kaulakukan kecuali Allah menyertai-Nya.



"Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu;



Nikodemus nampak bahawa Yesus mengajar perbenaran daripada Kitab Suci.



Jika kamu tidak percaya ketika Aku bercakap tentang hal-hal dunia;



supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.



Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal




bagaimana mungkin kamu percaya sekiranya Aku bercakap tentang hal-hal syurga?

Cari para murid Yesus

Nikodemus pergi bertemu
Yesus kerana _____

Sekarang giliran kamu pula
mencari jalan kepada Yesus
supaya kamu pun boleh tahu
rancangan-Nya.

Kamu →



Respons

1. Mengapa Tuhan mengutus Yesus untuk mati sebagai korban bagi kita?
2. Bagaimana agaknya perasaan-Nya apabila Tuhan mengutus Yesus ke dunia?
Gembira/Sedih/Lain-lain
3. Adakah kamu berfikir Tuhan mengasihimu kerana Dia berbuat demikian? Ya/Tidak

Penerapan

Banyak cara berbeza untuk bersyukur kepada Tuhan kerana kasih-Nya untuk kita. Kamu boleh mengucapkan doa syukur, tulis sajak syukur, mempunyai hati yang bersyukur, atau menyanyikan lagu syukur kepada Tuhan. Apakah satu perkara yang boleh kamu lakukan minggu ini untuk menunjukkan bahawa kamu bersyukur kepada Tuhan kerana Dia begitu mengasihimu?

Doa

Ya Tuhan, terima kasih kerana _____ Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 25

Perjamuan Tuhan

Berdasarkan Bab 18 dalam E-Pelajar

Tema:


Yesus memanggil kita meneladani-Nya melayani orang lain dengan hati hamba.

Tujuan Pelajaran:

Meneladani Yesus melayani orang lain dengan hati hamba.

Rujukan Alkitab:

Matius 26:14-30;
Yohanes 13:1-34



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yudas berpakat dengan ketua-ketua imam untuk mengkhianati Yesus.
2. Yesus membasuh kaki para murid-Nya. Dengan berbuat demikian, Dia memberikan contoh kepada kita supaya rendah hati dan berhati hamba, sikap yang harus diteladani oleh semua murid-Nya.

Ayat Hafalan:

"Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu: Kasihilah satu sama lain. Sebagaimana Aku telah mengasihimu, kasihilah sesama sendiri." Yohanes 13:24

Cerita tersebut mengenai apa?

Baca petikan Alkitab sedikit demi sedikit dan tuliskan jawapan dalam petak.

Matius 26:14-16

Apakah rancangan terhadap Yesus?
Siapakah yang akan mengkhianati Yesus?

Yohanes 13:6-17

Kaki siapa yang dibasuh Yesus?
Mereka bercakap tentang apa?

Yohanes 13:1-5

Waktu tersebut waktu apa dan apakah yang sedang dilakukan Yesus dan para murid-Nya?

Yohanes 13:14-17

Apakah pengajaran Yesus untuk para murid-Nya?

Tahukah anda?

Apabila Yesus berlutut, membasuh dan mengeringkan kaki para murid-Nya, Yesus melakukan dengan hati hamba. Apa ertinya melayan orang lain?

- menjadi pembantu rumah/hamba orang lain
- membenarkan orang lain mengambil kesempatan kami
- membantu memenuhi keperluan orang lain

Carikan

Cari jawapan berikut.

K	E	J	A	R	I	R	A	N
E	T	U	O	O	Q	E	I	Q
G	E	B	B	T	L	A	R	G
E	K	A	K	I	P	Z	E	X
M	A	H	A	I	K	A	T	M
B	M	A	R	I	A	T	L	Y
I	A	I	S	I	Y	A	S	U
R	I	Y	R	B	E	S	E	N

BESEN

ATAS

JUBAH

KAKI

ROTI

AIR

1. Perjamuan Tuhan berlaku semasa Perayaan _____ Tidak Beragi.
2. Para murid harus menyediakan bilik di _____.
3. Yesus menanggalkan _____ dan menuangkan _____ ke dalam _____ lalu mula membasuh _____ para murid-Nya.

Respons

Yesus Anak Tuhan tetapi Dia membasuh kaki para murid-Nya satu persatu. Adakah kamu sudi meneladani Yesus? Ya/Tidak

Penerapan

Pernahkah kamu melakukan perbuatan baik untuk orang lain? Cabarkan diri kamu sendiri minggu ini untuk melakukan baik, contoh, tuangkan air, hidangkan nasi, kosongkan bakul sampah untuk ahli keluarga.

Ya, saya akan buat! Saya berasa _____

Tidak, saya tidak mahu buat. Saya berasa _____

Doa

_____ Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 26

Jamuan Paskah dan Ertinya

Berdasarkan Bab 18 dalam E-Pelajar

Tema:

Tuhan membuat perjanjian baharu dengan kita melalui pencurahan darah Yesus untuk menebus dosa kita.

Tujuan Pelajaran:


Faham mengapa pencurahan darah Yesus mampu menebus dosa kita.

Rujukan Alkitab:

Markus 14:22-26; Yohanes 13:18-38

Ayat Hafalan:

"Inilah darah perjanjian yang ditumpahkan bagi ramai orang untuk pengampunan dosa." Matius 26:28



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus memberitahu mereka yang Dia akan dikhianati.
2. Yesus menggunakan jamuan Paskah untuk menggambarkan apa yang akan dilakukan-Nya. Yesus mengumumkan Perjanjian Baharu di mana kematian-Nya menjadi korban terakhir untuk menebus dan membebaskan semua umat daripada dosa.

Apa itu jamuan Paskah?

Jamuan Paskah bermula pada zaman Musa. Pada masa itu, Tuhan mengarahkan Musa dan Harun supaya menyuruh jemaah Israel mengorbankan kambing atau domba dan darah serta dagingnya untuk melindungi mereka daripada wabak kematian.

Dalam Perjanjian Baru, Yesus menggunakan jamuan Paskah untuk memberitahu para murid-Nya yang pengorbanan lain akan dibuat untuk melindungi orang ramai daripada kematian kekal.

Tahukah anda apa atau siapakah korban yang disebutkan Yesus?

A=. B=, C=/ D=: E=; F=' G=" H=] I=[J=} K={ L=! M=@ N=#
O=\$ P=% Q=^ R=& S=* T=(U=) V=- W=_ X=+ Y=\ Z=~

\ ; *) * . # . { ()] . #

Komik buatan sendiri ("D.I.Y.")

Buatkan komik sendiri mengikut gelembung perbualan.

A comic strip template consisting of six speech bubbles arranged in a 2x3 grid. The bubbles contain the following text:

- Top-left: "Ambillah, ini tubuh-Ku."
- Top-right: "Orang yang Kuberi roti yang telah Kucelupkan ke dalam mangkuk, dialah orangnya."
- Middle-left: "Apa yang hendak kaulakukan, segeralah lakukan."
- Middle-right: "...sebelum ayam berkokok, kamu akan menyangkal Aku tiga kali."
- Bottom-left: "Ini darah perjanjian-Ku yang ditumpahkan untuk ramai orang"
- Bottom-right: "Ke mana Tuhan hendak pergi?...Aku rela mati untuk-Mu, Tuhan!"

A large, diagonal watermark reading "SAMPLE" is overlaid across the center of the comic strip.

Respons

Fahamkah kamu mengapa Yesus mengambil roti dan air anggur untuk membuat perjanjian?

Yesus akan mati dan dikorbankan seperti domba Paskah. Dia berbuat demikian agar Tuhan mengampuni dosa kamu dan tidak menghukum kamu mati. Hari ini, kamu patut bersyukur untuk pencurahan darah Yesus. Yesus melakukan semua demi kamu, supaya kamu tidak perlu mati buat selama-lamanya.

Penerapan

Lain kali, ketika Perjamuan Kudus pada ibadah hari Ahad, ingatlah apa yang dilakukan Yesus. Ucapkan doa syukur kepada Tuhan dan bersukacitalah bersama umat lain.

Doa

Ya Tuhan, _____ Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 27

Taman Getsemani

Berdasarkan Bab 19 dalam E-Pelajar

Tema:

Tidak kira betapa sukar, kita dipanggil untuk menyerahkan kehendak kita kepada Tuhan dan mengikut-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Pilih untuk mengikut Tuhan walaupun susah.

Rujukan Alkitab:

Markus 14:27-42; 47-56

Ayat Hafalan:

"Kata-Nya, " Abba, Bapa, segala-galanya dapat Kaulakukan. Edarkanlah cawan ini daripada-Ku. Namun demikian, bukanlah kehendak-Ku tetapi kehendak-Mu yang terlaksana." Markus 14:36



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus memberitahu Petrus bahawa dia akan menyangkal Tuannya tidak lama lagi. Yesus berkata begitu supaya Petrus kemudian boleh mengingati hal tersebut dan bertaubat.
2. Yesus sedar penderitaan yang akan dialaminya atas kayu salib, tetapi Dia berserah kepada kehendak Bapa-Nya di syurga.

Yesus Tahu

Benar (B) atau Palsu (P). Bulatkan jawapan betul.

Markus 14:27-31

Yesus Meramalkan Penyangkalan Petrus

(B/P) "Kamu semua akan tidur," kata Yesus kepada para murid-Nya.

(B/P) Petrus mengisytihar, "...saya tidak akan makan walaupun yang lain makan!"

(B/P) "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, pada malam ini sebelum ayam berkokok dua kali, kamu akan menyangkal-Ku tiga kali."

Doa yang hiba

Markus 14:32-42

Yesus Berdoa Sementara para Murid-Nya Tidur

(B/P) "...Edarkanlah bantal ini daripada-Ku. Namun demikian, bukanlah kehendak-Ku tetapi kehendak-Mu yang terlaksana."

(B/P) "Berjaga dan berdoalah, takut nanti kamu tergoda.

Memang rohani rela, tetapi jasmani lemah."

Penangkapan

Markus 14:47-56

Yesus Ditangkap

(B/P) "Yudas, kamu mengkhianati Anak Manusia dengan ciuman."

(B/P) Yesus menyembukan lelaki yang ditetak pedang oleh Simon Yohanes.

Ceritakan

Di tempat-tempat ini kamu mungkin mendapati susah mendengar cakap Tuhan atau mentaati kehendak-Nya. Fikir seketika masa-masa kamu mendengar atau tidak cakap Tuhan. Seterusnya cari pasangan dan berkongsi pengalaman antara satu sama lain. Akhirnya, pilih 2 tempat dan isikan senarai di bawah.

Di sekolah	Di rumah	Di pusat membeli-belah	Di rumah kawan	Di gereja
------------	----------	------------------------	----------------	-----------

Tempat: _____

Apa yang berlaku: _____

Kesusahan saya: _____

Akhirnya...: _____

Tempat: _____

Apa yang berlaku: _____

Kesusahan saya: _____

Akhirnya...: _____

Respons

Yesus sedar bahawa Dia akan menderita dan mati di atas kayu salib. Ya Tidak

Adakah kamu berpendapat rancangan Tuhan yang terbaik? Lebih baik daripada rancangan kamu? Ya Tidak

Apa agaknya yang terjadi apabila kamu tidak ingkar kehendak Tuhan dan mengikuti rancangan-Nya?

Penerapan

Cipta suatu "peringatan jam tangan khas" untuk dirimu: BERHENTI, BERDOA, & BERFIKIR sebelum BERTINDAK. Adakah tindakan kamu itu kehendak Tuhan?

Contoh:

Bahan A (pilih satu):
Kertas, kad manila,
kain

Gunakan bahan yang sepadan dengan Bahan A

Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya membantu kamu tunduk kepada kehendak-Nya dan mengikuti-Nya walau apa pun.

Pelajaran 28

Yesus Dihakimi Orang Yahudi

Berdasarkan Bab 20 dalam E-Pelajar

Tema:

Apabila orang lain berbuat jahat kepada kita, kita harus meneladani Yesus dan tidak membalas dendam.

Tujuan Pelajaran:

Belajar supaya tidak membalas dendam apabila diperlakukan jahat oleh orang lain.

Rujukan Alkitab:

Markus 14:53-72

Ayat Hafalan:

"Jangan balas kejahatan dengan kejahatan atau celaan dengan celaan. Sebaliknya balaslah dengan memohon Allah memberkati mereka." 1 Petrus 3:9a



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Perbicaraan Yesus tidak dilaksanakan dengan adil. Pemimpin orang Yahudi menggunakan saksi yang bercanggah antara satu sama lain. Akhirnya, Yesus dituduh menghujat.
2. Oleh sebab mereka tidak dapat menjatuhkan hukuman mati kepada Yesus, maka mereka menghantar-Nya kepada Pilatus, Gabenor Roma.

Cari

Yesus tidak bersalah tetapi imam agung, ketua imam, para ahli Taurat dan lain-lain bersungguh-sungguh ingin menuduh-Nya. Apakah dakwaan mereka terhadap Yesus?

- △ Mencuri wang
- △ Menyatakan bahawa Dia akan musnahkan Bait Suci
- △ Menipu
- △ Berhujat dengan mengisytiharkan dirinya Anak Manusia

Yesus berdiam sepanjang masa. Tetapi Dia menjawab soalan imam agung. Apa yang dijawab-Nya? (Markus 14:62)

"_____, Akulah Dia. _____"

Ketika Yesus dipukul dan didera, Petrus berada di halaman luar di bawah. Dia melakukan sesuatu yang amat menyakiti hati Yesus. Apa yang dibuatnya?

Petikan Alkitab ini memberitahu kita apa yang berlaku kepada Yesus. Cara Yesus diperlakukan tidak adil sekali. Apa agaknya Yesus mungkin boleh buat?

Respons Yesus

Yesus tidak menggunakan kuasa-Nya untuk melakukan mukjizat bagi tujuan membalas dendam terhadap mereka yang menuduh-Nya. Kamu pula bagaimana? Jikalau kamu diperlakukan buruk, apa yang kamu akan buat? Apa yang akan Yesus buat?

Senario	Apa yang akan kamu buat?	Apa yang akan Yesus buat?
1. Kawan kamu datang ke rumah kamu dan menggunakan komputer kamu tanpa meminta izin.		
2. Kamu lewat sampai ke kelas. Cikgu menghukum kamu. Kamu terpaksa salin dengan tulisan tangan seluruh bab.		
3. Ibu kawan kamu menuduh kamu mencuri permatanya.		
4. Abang kamu menonton TV dengan kuat ketika kamu cuba mengulang kaji untuk peperiksaan.		
5. Ibu saudara kamu membawa kamu ke pusat membeli-belah dan memaksa kamu memikul semua barang-barangnya. Tangan kamu telalu penuh membawa barang; kamu jatuhkan dan pecahkan pasu yang baru dibelinya. Dia tampar kamu.		
6. Kawan kamu berkata bahawa dia perlu meminjam duit untuk kecemasan. Kamu pinjamkan tetapi dia tidak pernah bayar balik.		

Respons

Pada pendapat kamu, adakah bodoh kalau tidak membalas dendam terhadap mereka yang perlakukan buruk kepada kamu? Ya Tidak

Apa yang akan terjadi jika dendam dibalas? Apakah kelebihan dan kekurangan kepada kamu?

Penerapan

Yesus mempunyai segala kuasa dan kekuatan untuk membalas dendam terhadap mereka yang memperlakukan-Nya dengan buruk. Tetapi Dia tidak berbuat demikian. Jadikan Yesus sebagai contoh apabila seseorang melakukan perkara yang jahat kepada kamu. Tetapi, carilah bantuan. Beritahu ibu bapa atau orang dewasa yang kamu percayai.

Doa

Ya Tuhan, _____ Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 29

Yesus Menghadap Pilatus

Berdasarkan Bab 20 dalam E-Pelajar

Tema:

Kita harus berani mempertahankan perkara yang benar walaupun orang lain tidak bersetuju dengan kita.

Tujuan Pelajaran:


Belajar mempertahankan perkara yang benar walaupun orang lain mempunyai pandangan lain.

Rujukan Alkitab:

Yohanes 18:28-19:16; Matius 27:24-26

Ayat Hafalan:

"Namun demikian, walaupun kamu menderita kerana melakukan yang benar, kamu akan diberkati."
1 Petrus 3:14




Kebenaran Alkitab:

1. Pilatus tidak peduli tentang peraturan agama mereka. Oleh itu, apabila berhadapan Pilatus, ketua-ketua imam menukar tuduhan terhadap Yesus dari penghujatan kepada menjadi pengacau politik yang berbahaya.
2. Pilatus dengan betul menghakimi bahawa Yesus tidak melakukan sebarang jenayah. Tetapi dia takut akan imam-imam yang mengancam untuk menyebabkan rusuhan. Pilatus kemudian setuju menjatuhkan Yesus dengan hukuman mati disalib.

Celarnya!

Cerita di bawah berkecamuk seperti rusuhan di hadapan ibu pejabat gabenor Roma. Cuba sedaya upaya untuk menyusun semula cerita tersebut. Ceritakan dengan menggunakan kata-kata sendiri adegan "Yesus Menghadapi Pilatus, Gabenor Roma."





Isytiharkan!

Penting untuk mempertahankan apa yang benar pada pandangan Tuhan. Usah takut kerana Tuhan pemerintah segalanya. Hiasi dan warnakan gambar (minta salinan daripada cikgu). Kamu boleh!

**USAH TAKUT.
MEMPERTAHANKAN
PERBENARAN!**

Respons

Pernahkah kamu mengalami saat-saat seperti Pilatus – sedar bahawa orang lain salah tetapi takut mempertahankan perkara yang benar.

Ya Tidak

Jikalau kamu tidak pasti apa yang benar dalam pandangan Tuhan, apa yang boleh kamu buat?

Baca Alkitab Selalu menghadiri Kelas Minggu

Berdoa kepada Tuhan meminta kebijaksanaan

Tanya ibu bapa

Tanya guru Sekolah Minggu

Lain-lain _____

Penerapan

Fikirkan DUA perkara yang boleh kamu buat apabila seseorang menyuruh kamu melakukan sesuatu yang kamu tahu tidak betul.

Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya menguatkan iman dan menambahkan kebijaksanaan supaya kamu boleh mempertahankan apa yang benar pada pandangan Tuhan.

Pelajaran 30

Penyaliban

Berdasarkan Bab 21 dalam E-Pelajar

Tema: Ketika digantung di atas kayu salib, Yesus meminta pengampunan bagi mereka yang bertanggungjawab menyalib-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Membuat pilihan memaafkan mereka yang menyakiti kamu.

Rujukan Alkitab:

Lukas 23:26-43;
Yohanes 19:24-27

Ayat Hafalan:

"Ampunkanlah dosa-dosa kami, sebagaimana kami mengampuni setiap orang yang bersalah terhadap kami."
Lukas 11:4



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus disalib. Para imam dan orang ramai memerli-Nya. Dua orang disalib di sebelah Yesus. Salah seorang mengejek-Nya, yang satu lagi meminta diampuni. Yesus menjaminkan keampunan untuknya.
2. Yesus memberi arahan terakhir kepada murid-Nya dan ibu-Nya.

Pada waktu penyaliban

Isi semula dan tuliskan jawapan dalam ruang kosong supaya cerita tersebut sempurna semula.

- | | | |
|---------------|-----------------|---------------|
| 1. Te _____ | 5. Orang Yahudi | 9. Ker _____ |
| 2. Amp _____ | 6. Raja _____ | 10. Fir _____ |
| 3. Dise _____ | 7. Ta _____ | |
| 4. Ma _____ | 8. Set _____ | |

Ada dua orang lain, iaitu kedua-duanya penjahat, yang akan dibunuh bersama Yesus. Setelah mereka sampai ke tempat yang bernama, "1. _____," mereka pun menyalib Yesus dan kedua-dua orang penjahat itu, seorang di sebelah kanan dan seorang di sebelah kiri-Nya. Yesus berkata, "Ya Bapa, 2. _____ mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka." Mereka membahagi-bahagikan pakaian-Nya dengan membuang undi.


Orang ramai yang berdiri di situ memandang sahaja sementara para pemimpin masyarakat mengejek-Nya, "Orang lain 3. _____-Nya; biarlah Dia menyelamatkan diri-Nya sekarang jika Dia sesungguhnya Kristus yang dipilih oleh Tuhan." Askar-askar juga memperolok-olokkan Yesus. Mereka menghampiri-Nya dan membawa air anggur 4. _____ kepada-Nya lalu berkata, "Jika Engkau Raja 5. _____ selamatkanlah diri-Mu." Pada sebelah atas kayu salib Yesus tertulis kata-kata: "INILAH 6. _____ ORANG YAHUDI."

Seorang daripada penjahat yang disalib di situ mula mencela-Nya. Dia berkata, "Bukankah Engkau Kristus? Selamatkanlah diri-Mu dan kami!" Tetapi seorang penjahat lagi menegurnya, "Tidakkah kamu 7. _____ akan Tuhan? Kita sama-sama dihukum mati. Bagi kita, hukuman ini adil kerana kita menerima balasan yang 8. _____; tetapi orang ini tidak melakukan kesalahan apa-apa."

Dia berkata kepada Yesus, "Ya Yesus, ingatilah aku ketika Engkau menaiki takhta 9. _____-Mu." Yesus menjawab, "Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, pada hari ini juga engkau akan bersama-Ku dalam 10. _____."

Kayu salib

Buatkan kayu salib kecil untuk digantung dinding. Ini untuk mengingatkan kamu tentang pengampunan Tuhan.



Respons

Hanya doakan yang berikut jikalau kamu hendak mengikuti Yesus. Sebelum berdoa, cuba isikan ruang kosong terlebih dahulu. Semoga diberkati Tuhan!

Nama penuh kamu

Ya Tuhan Yesus, saya

Saya sedar saya bukan seseorang yang sempurna, saya pernah

Senaraikan 3 sikap buruk yang kamu ada. Contoh: sombong, tamak, kedekut, pembenci, kejam, dll

Dan saya lakukan banyak perkara yang mendukacitakan Engkau...

Saya...

- mencuri berbohong menipu mengata membenci seseorang
 bertengkar menengking ibu bapa menghakimi orang lain dengki
 _____ _____

Tolong ampuni kesalahan-kesalahan saya.

Saya menerima Engkau sebagai Raja dalam hatiku dan menjadikan

Terutama, Kedua atau Ketiga

dalam hidupku. Dalam nama Engkau saya berdoa. Amin

Pelajaran 31

Jam Selepas Penyaliban

Berdasarkan Bab 21 dalam E-Pelajar

Tema:

Demi menyelamatkan kita daripada dosa dan menyingkirkan halangan antara kita dengan Tuhan, Yesus terpaksa menderita dan mati disalib.

Tujuan Pelajaran:

Memberikan respons kepada Yesus dengan kasih apabila mereka sedar tahap penderitaan yang dilalui-Nya demi menyelamatkan mereka daripada dosa.

Rujukan Alkitab:

Matius 27:45-61; Yohanes 19:30-37



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:


1. Peristiwa-peristiwa yang berlaku sebaik sahaja Yesus mati disalib membuktikan bahawa Dia memang Anak Tuhan.
2. Lembing askar mengesahkan bahawa Yesus benar-benar mati sebelum jenazah-Nya diturunkan untuk dikebumikan.

Ayat Hafalan:

"Dia menanggung dosa kita dalam tubuh-Nya sendiri di kayu salib, supaya kita mati terhadap dosa dan hidup untuk kebenaran. Luka-luka-Nya telah menyembuhkan kamu." 1 Petrus 2:24

Di atas kayu salib

Kenal pasti pengalaman Yesus ketika digantung di atas kayu salib. Lukiskan anak panah mengikut laluan yang betul.



Fikir

Bubuh tanda rait dalam kotak di tepi ayat yang kamu fikirkan betul.

Apabila Yesus berkata, "Eli, Eli, lama sabakhtani?" yang bererti "Ya Tuhan-Ku, ya Tuhan-Ku, mengapa Kau tinggalkan Aku?", mengapa agaknya Dia berkata begitu?

- Itu adalah ungkapan amat pilu apabila Yesus menanggung segala dosa dunia dan dipisahkan daripada Tuhan.
- Yesus mempersoalkan Tuhan kerana Dia dalam kesakitan yang melampau.
- Yesus tidak faham sebab Dia perlu melalui semua itu.

Yesus mengalami penderitaan tersebut

- supaya kita tidak perlu dipisahkan buat selama-lamanya daripada Tuhan.
- untuk menunjukkan kasih Tuhan.
- kerana Dia tidak ada pilihan lain.

Banyak perkara ganjil yang berlaku setelah Yesus mati...

- tirai di Bait Suci terbelah dua dari atas ke bawah
- bumi bergoncang dan batu-batu terbelah
- kubur-kubur terbuka dan banyak jenazah orang salih dihidupkan semula
- seluruh negeri diliputi kegelapan

Respons

Berikut adalah cara memberikan respons dengan kasih kepada apa yang dilakukan Yesus demi kamu. Yang mana boleh kamu persembahkan kepada-Nya?

Menyanyi lagu memuji-Nya

Membantu mereka yang memerlukan

Mentaati Tuhan

Tidak melupakan apa yang dilakukan Yesus dan memberitakannya kepada orang lain

Mengasahi keluarga saya

Berkelakuan baik

Tidak melakukan perkara yang buruk

Membenarkan Yesus bertakhta dalam hidup saya

Penerapan

Cuba cari sebuah kalendar di rumah, tanya cikgu atau ibu bapa bilakah Jumaat Agung. Tandakan pada kalendar dan ingatilah apa yang dilakukan Yesus demi kamu pada hari tersebut.

Doa

Berdoalah kepada Tuhan dan minta Dia membantu kamu mengasahi Yesus melalui tingkah laku sebagai respons kepada kasih-Nya yang tidak putus.

Pelajaran 32

Kebangkitan

Berdasarkan Bab 22 dalam E-Pelajar

Tema:

Tuhan membangkitkan Yesus seperti yang dijanjikan-Nya dalam Firman-Nya.

Tujuan Pelajaran:


Didoronglah kerana mengetahui bahawa Tuhan berkuasa melakukan segala yang dijanjikan-Nya dalam Firman-Nya.

Rujukan Alkitab:

Matius 27:62-66; 28:1-10;
Yohanes 20:3-29

Ayat Hafalan:

"Allah telah membangkitkan Yesus ini dan kami semua menyaksikannya."
Kisah Para Rasul 2:32



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Pihak berkuasa orang Yahudi meminta Gabenor Roma menghantar sepasukan askar untuk memeterai serta mengawal kubur Yesus. Pasukan askar ini menghalang pencuri biasa ataupun murid Yesus mencuri jenazah Yesus.
2. Yesus dibangkitkan pada hari ketiga selepas penyaliban-Nya. Gempa bumi yang dahsyat berlaku dan malaikat menampakkan diri.

Yesus tiada dalam makam lagi

Cari semua perkataan di bawah

Paskah	Bangkit
Pengawal	Maria
Gempa bumi	Yesus
Malaikat	Luka
Menggeletar	Kegirangan
Para murid	Parut
Syurga	Percaya

G E M P A B U M I H A N B M
K T A A A Q E E I L U K A E
E N L S A R A L G B G R N N
G D A K J J A M U A I P G G
I C I A I N A M M A U A K G
R I K H G A B L U U A R I E
A N A S Y U R G A R I U T L
N C T B U G H N O D I T A E
G I B P E N G A W A L D N T
A N Y E S U S A Y M A A M A
N U O A P E R C A Y A A U R

Apa yang kamu dengar?

Pernahkah kamu mendengar umat Kristian lain berkongsi kesaksian mereka? Mari kita sama-sama buat sekarang.

Cari seorang umat Kristian dan temubual dia menggunakan soalan berikut:

Siapa nama kamu? _____

Bagaimana kamu menjadi umat Kristian? _____

Apakah fikiran atau perasaan kamu mengenai kematian dan kebangkitan Yesus? _____

Respons

Percayakah kamu yang Yesus mati dan dibangkitkan semula? Mengapa?

Ya saya percaya Tidak, saya tidak percaya _____

Adakah kamu gembira mengetahui bahawa Tuhan melakukan apa yang dijanji-Nya? Apakah SATU janji Tuhan yang bererti bagimu?

Ya Tidak

Penerapan

Berdoalah kepada Tuhan setiap kali kamu meragui Dia akan menunaikan janji-Nya. Minta Tuhan membantu kamu meyakini Dia 100%.

Doa

Ya Tuhan, saya _____

Pelajaran 33

Sarapan Terakhir

Berdasarkan Bab 23 dalam E-Pelajar

Tema:

Tuhan begitu mengasihi kita sehingga Dia tidak putus asa dengan kita walaupun kita berdosa terhadap-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Yakinlah bahawa Tuhan begitu mengasihi kamu dan akan mengampuni kamu apabila kamu bertaubat tanpa mengira apa yang telah kamu lakukan.

Rujukan Alkitab:

Yohanes 21



BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Yesus mengembalikan Simon Petrus sebagai murid-Nya dan ketua para murid-Nya.
2. Yohanes menerangkan sebab dia mencatatkan segala peristiwa tersebut.

Ayat Hafalan:

"Tuhan penuh belas kasihan dan kasih kurnia, panjang sabar serta melimpah kasih-Nya." Mazmur 103:8


Sarapan yang hebat

Bulatkan pilihan jawapan yang betul dalam tanda kurungan. Cuba untuk tidak merujuk Alkitab.

1. Awal pagi, Yesus berdiri di (gunung pantai rumput), tetapi para murid tidak tahu bahawa itu Yesus. Ayat 4
2. Dia bertanya mereka, "(Kawan-kawan Saudara-saudara Hey), kamu ada ikan?" ayat 5
3. "Tebarkan (jala tuala wang) kamu di sebelah kanan (rumah perahu ikan) dan kamu akan mendapat ikan. Apabila mereka berbuat demikian, begitu sarat jala mereka dengan ikan sehingga tidak terdaya mereka menariknya kembali. ayat 6
4. Yesus berkata kepada mereka, "Marilah (makan malam bersarapan makan lewat malam). Tiada seorang murid pun yang berani bertanya, "Siapakah Engkau?" Mereka tahu Dialah Tuhan. (Simon Petrus Yesus Tomas) merapati mereka, mengambil roti dan memberikan kepada mereka dan juga berbuat demikian dengan ikan. Itulah kali (ketiga kelima kesepuluh) Yesus menampakkan diri-Nya kepada para murid-Nya setelah Dia bangkit. ayat 12-14
5. Dia menjawab, "Ya Tuhan, Engkau tahu bahawa saya (mengenali mengasihi mengecam) Engkau." Yesus berkata, "Jagalah (rumah perniagaan domba) Aku." ayat 16

Berapa ikan?

Yesus menyuruh murid-Nya, "Tebarkan jala di sebelah kanan perahu dan kamu akan mendapat ikan." Kemudian mereka tangkap banyak ikan. Berapa ikan ditangkap dalam jala? Jawapan:



Berapa ikan?

Yesus bertanya kepada Petrus _____ kali, "Adakah kamu mengasihi-Ku?" Sebelum Yesus disalib, Petrus _____ Yesus tiga kali. Perbuatan tersebut pasti amat menyakiti hati Yesus. Tetapi lihat, Yesus sekarang meminta Petrus _____ domba-domba-Nya. Menerima tugas yang sebegitu penting daripada Yesus merupakan penghormatan yang besar bagi Petrus.

Jikalau kamu Petrus, bagaimana kamu bertindak atas arahan Yesus?

Jikalau kamu ingin hidup dan memberi kesaksian untuk Yesus, kamu mesti mengikuti ajaran Alkitab dan menjadi murid Yesus yang baik.

Tuliskan cara-cara kamu patut bertindak sebagai anak Tuhan dalam situasi-situasi berikut.

Saya tidak menyiapkan kerja rumah...

Saya bercakap bohong kepada ibu bapa saya...

Saya bertengkar dengan kawan-kawan...

Respons

Adakah kamu berasa kamu layak dikasihi Tuhan?

Penerapan

Sebelum kamu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Alkitab, berhenti seketika dan fikir apa yang kamu sebenarnya patut lakukan.

Doa

Ya Tuhan, saya _____. Dalam nama Yesus, Amin.

Pelajaran 34

Perintah Untuk Memberitakan Injil

Berdasarkan Bab 24 dalam E-Pelajar

Tema:

Kata-kata terakhir Yesus kepada para murid-Nya adalah untuk memberi kesaksian kepada semua orang di seluruh dunia tentang apa yang telah dilakukan Yesus dan mengajar orang bagaimana mengikuti-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Benar-benar mentaati perintah Yesus untuk memberi kesaksian tentang apa yang telah dilakukan Yesus untuk kamu.

Rujukan Alkitab:

Matius 28:11-20; Lukas 24:44-53; Kisah Para Rasul 1:10-11; Lukas 1:1-4

Ayat Hafalan:

"Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku. Baptislah mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Kudus. Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara yang telah Kuperintahkan kepadamu. Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman."
Matius 28:19-20

BELAJAR

Kebenaran Alkitab:

1. Pihak berkuasa orang Yahudi merasuahkan askar pengawal Roma untuk menyebarkan laporan palsu yang murid Yesus telah mencuri jenazah-Nya dan sedang mengisytiharkan kebangkitan-Nya.
2. Yesus memberikan Perintah untuk memberitakan Injil kepada para murid-Nya. Mereka harus membawa Berita Baik tentang penyelamatan Tuhan ke seluruh dunia dan menjadikan semua orang yang percaya sebagai murid Yesus.
3. Yesus menyuruh mereka menunggu kehadiran Roh Kudus yang akan memimpin dan memperkuasai mereka apabila mereka membawa pengajaran-Nya ke seluruh dunia.


Cari

Melintang

2. Dan Aku akan mengurniakan pemberian yang _____ Bapa-Ku.
5. _____ lah mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Kudus.
6. Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa _____-Ku.

Ke bawah

1. Tunggulah di _____ sehingga kamu diperlengkap dengan kuasa dari tempat tinggi.
3. Segala _____ telah diserahkan kepada-Ku, baik di syurga mahupun di bumi.
4. Ajarlah mereka supaya _____ akan segala perkara yang telah Kuperintahkan kepadamu.



Memberi Kesaksian Untuk Yesus

Petrus murid Yesus, tetapi dia menyangkal Yesus tiga kali dahulu...

Adakah kamu juga menyangkal Yesus dan berpura-pura tiada kaitan dengan-Nya?

Atau kamu akan memberi kesaksian kepada orang lain tentang apa yang telah Dia lakukan?

Fikir betul-betul pernyataan berikut, dan tuliskan jawapan kamu.

Kawan-kawan kamu yang tidak beragama Kristian bercakap buruk tentang Yesus. Apa akan kamu lakukan?

Kamu berbual dengan sahabat baharu dan mendapat tahu bahawa dia ingin tahu lebih lanjut tentang agama Kristian. Apa akan kamu lakukan?

Tindakan saya

Salah satu cara memberitakan kasih Yesus adalah dengan membantu orang lain dalam kesusahan mereka. Cipta satu "**Baucar Berkongsi Kasih Yesus**" seperti contoh di bawah (kamu boleh menambah kata), dan berikan kepada orang yang ingin kamu bantu.

✠ Baucar Berkongsi Kasih Yesus ✠

Kepada: _____

Saya sudi membantu kamu _____ demi memberitahu kamu yang Yesus mengasihi kamu.

Daripada _____

Respons

Adakah kamu takut memberi kesaksian untuk Yesus? Ya... Tidak...

Penerapan

Ada kalanya bukan senang mengisytiharkan bahawa kamu murid Yesus. Tetapi jikalau kamu sudi, Yesus akan memberikan kamu kekuatan. Paling penting, teruskanlah berjalan bersama Yesus setiap hari.

Doa

Ya Tuhan, saya _____. Dalam nama Yesus, Amin.

SAMPLE

SAMPLE


Siri Penjelajahan Visual Alkitab




Kejadian - Pada Mulanya




Musa dan Keluaran




Yosua dan Hakim-Hakim



Cerita Kehidupan Yesus



Kisah Rasul-Rasul Jilid 1



Kisah Rasul-Rasul Jilid 2